

قَتِيقَن تِيتَه

PETIKAN TITAH

"MEMANG, kepimpinan dan pengurusan berkualiti adalah penentu bagi pencapaian dalam perkhidmatan awam. Kecekapan pemimpin dan pengurusan, terutama kecekapan menangani situasi di luar dugaan adalah antara perkara yang sangat perlu diberikan fokus yang cukup."
- Titah Sempena Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-21.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN kami memerintahkan manusia supaya berbuat baik kepada ibu bapanya, ibunya telah mengandungnya dengan susah payah dan melahirkannya dengan susah payah."
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Ahqaaf ayat 15).



Waktu Sembahyang

IMSAK
4.38

SUBUH
4.48

SYURUK
6.05

DUHA
6.28

ZUHUR
12.07

ASAR
3.24

MAGHRIB
6.06

ISYAK
7.16

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 61 / BILANGAN 125

17 OKTOBER 2016 / 1438 محرم 16

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

Berangkat menziarahi jenazah Al-Marhumah Pengiran Babu Raja



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga kerabat diraja yang lain menunaikan Sembahyang Jenazah Berjemaah bagi Al-Marhumah Yang Teramat Mulia Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Hajah Besar binti Pengiran Anak Haji Metassan yang diimamkan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned di Taman Seri Alam, Kampung Beribi Gadong. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah (Lihat muka 3).

Pastikan program UBD relevan

Oleh : Khartini Hamir

TUNGKU, Sabtu, 15 Oktober. - Adalah perlu bagi Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan institusi-institusi pengajian tinggi lain untuk memastikan program-program mereka sentiasa relevan dan berkualiti, bagi pengeluaran para graduan yang *marketable* dan *future ready*.

Ini termasuk kerjasama padu dengan *stakeholders* yang relevan, seperti Majlis Perancangan Tenaga Manusia Kebangsaan yang baru ditubuhkan dan juga pelbagai industri untuk meningkatkan *employability* para graduan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Brunei Darussalam bertitah menekankan mengenai perkara tersebut pada Majlis Konvokesyen Ke-28 UBD yang berlangsung di Dewan Canselor universiti berkenaan, di sini.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengenai *employability*, baginda sangat gembira mengetahui

bahawa UBD telah merintis kerjasama dengan beberapa industri dari dalam dan luar negara.

Baginda turut difahamkan, terdapat pengeluaran pertama program Bachelor of Engineering bidang Chemical and Process Engineering hasil daripada salah satu kerjasama tersebut dan kesemua graduan yang berkenaan itu telah pun ditawarkan pekerjaan.

Menyentuh mengenai pekerjaan, titah baginda lagi, faktor kelayakan pasti berbangkit. Faktor kelayakan yang dimaksudkan itu ialah pembelajaran sepanjang hayat atau *lifelong learning*.

Kebawah DYMM turut difahamkan bahawa UBD telah mengambil inisiatif untuk menyediakan peluang pembelajaran secara fleksibel kepada masyarakat umum dan baginda berharap itu akan dapat menyediakan akses yang lebih besar ke dalam pendidikan tinggi bagi semua rakyat dan penduduk tanpa perlu menanggungkan pekerjaan atau perniagaan mereka.

Dalam hubungan itu, baginda sudahpun memperkenalkan penubuhan 'Centre for Lifelong Learning' atau singkatannya C3L yang akan menjadi pemangkin kepada pengajaran dan pembelajaran peringkat tinggi, meliputi pendidikan berterusan dan profesional.

Ke muka 6

Presiden Republik Filipina tiba bagi Lawatan Negara

Oleh : Aimi Sani

Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Ahad, 16 Oktober. - Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Rodrigo Roa Duterte berserta rombongan selamat tiba di negara ini bagi memulakan Lawatan Negara tiga hari bermula hari ini.

Ketibaan Tuan Yang Terutama Rodrigo Roa Duterte di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apang selaku Menteri Pengiring; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dan seterusnya melalui tabik hormat dari Kawalan Barisan dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Juga hadir bagi mengalu-alukan ketibaan TYT ialah Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah dan Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam.

Ke muka 10

IKUTI KAMI DI



infodept.bn



@Infodept_bn



Jabatan Penerangan

Jabatan Perdana Menteri

Hotline: 2382891 / 2383400 Smb: 217

Faksimile: 2381004

Layari Laman Web: www.pelita-brunei.gov.bn

PROPAZ bantu tingkatkan taraf sosioekonomi kehidupan

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, sama-sama kita rafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana berkat limpah rahmat-Nya jua kita dapat berkumpul bersama di Majlis Penyampaian Sijil bagi Peserta Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ) Bagi Kali Ke-8 Sesi 2015 - 2016 sebagai meraikan kejayaan para peserta menamatkan program latihan dan kursus kemahiran yang telah mereka sertai.

Terlebih dahulu, saya ucapkan berbilang terima kasih atas ingatan baik dan penghormatan Ahli Jawatankuasa Majlis kerana menjemput saya hadir menjadi tetamu kehormat ke majlis yang penuh berkat ini dan seterusnya menyampaikan sijil kepada para peserta program PROPAZ.

Di kesempatan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan syabas di atas kejayaan para peserta menamatkan program latihan dan kursus kemahiran yang mengambil masa selama lebih kurang sembilan bulan, walaupun saya kira, sudah pasti para peserta menghadapi pelbagai cabaran dan kesukaran yang boleh saja mengoncang semangat dan kekuatan diri. Ketabahan dan kesungguhan sebeginilah yang akan dapat menjadi nadi dan kunci kejayaan dalam apa jua pekerjaan yang dilakukan.

Tahniah juga kepada para ibu bapa dan penjaga kerana sentiasa memberikan dorongan dan sokongan kepada para peserta di sepanjang mereka menjalani latihan dan kursus kemahiran. Tempoh latihan tersebut bukanlah suatu tempoh yang sekejap, apatah lagi pada ketika para ibu bapa memerlukan pertolongan khususnya bantuan tenaga dari anak-anak. Tanpa dorongan, sokongan dan doa para ibu bapa maka sudah setentunya kejayaan ini agak sukar diperolehi. Tahniah saya ucapkan sekali lagi.

Di samping itu, tidak lupa saya ucapkan syabas kepada Jabatan Majlis Ugama Islam di atas usaha mengunakayahkan dan menjayakan program seumpama ini. Pada hemat saya, program PROPAZ ini merupakan penerangan amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepada kita semua. Saya percaya dan penuh yakin, memandangkan ini merupakan kali kelapan program ini diadakan, maka sudah tentunya telah banyak membantu peserta-peserta program dalam usaha mereka meningkatkan kualiti hidup bagi menjamin kesejahteraan diri dan keluarga, lebih-lebih lagi di dalam membantu meningkatkan taraf sosioekonomi kehidupan ke peringkat yang lebih baik.

Tidak boleh dilupakan sama sekali jasa dan bantuan yang paling tinggi dan berharga yang telah disumbangkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Pusat Pembangunan Belia (PPB) yang



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud semasa berucap pada Majlis Penyampaian Sijil Bagi Peserta Program Pengupayaan Asnaf Zakat (Propaz) Kali Ke-8 Sesi 2015 - 2016 pada 26 Zulhijjah 1437 Hijrah bersamaan 28 September 2016 Masihi, bertempat di Dewan Multaqa, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

telah mengunakayahkan berbagai kursus dan program yang berjaya membuat 'transformasi' ke atas peserta-peserta PROPAZ sehingga menjadi insan-insan yang berguna, berkeupayaan, berakhlak, berperibadi mulia dan jati diri yang tinggi dan dinamik.

Hampir satu dekad pelaksanaan program PROPAZ ini dikendalikan. Program ini memberikan kesan positif yang diukur melalui pencapaian baik para lepasan program. Walaupun tempoh latihan hanya sembilan bulan dan jumlah peserta di setiap pengambilan dalam lingkungan skop yang kecil sahaja, peningkatan keupayaan peserta tidaklah dapat dinafikan. Sekecil-kecil perubahan, ia adalah satu peningkatan baik yang telah dicapai. Misalnya saja dari aspek kemahiran diri, keagamaan dan ekonomi. Dari seorang yang tidak punya kebolehan apa-apa sehinggalah menjadi seorang yang terlatih dan mahir, dari kurang pandai membaca Al-Quran sehinggalah mereka menjadi lancar membacanya, dari tiada pengetahuan tentang keusahawanan sehinggalah celik selok belok perniagaan. Dan dari tiada haluan sehinggalah menjadi seorang yang terbimbing dan mempunyai wawasan.

Apa yang diperolehi di sepanjang program sehingga berjaya menamatkan latihan ini, adalah nikmat Allah. Melangkah setapak ke depan dengan bekalan ilmu kemahiran, itu juga nikmat Allah. Semuanya adalah nikmat Allah ini? Nikmat yang diberikan ini adalah

pintu rezeki. Sentiasalah bersyukur dan pergunakanlah nikmat kemahiran yang diperolehi ini. Berusahalah dengan gigih tanpa lengah. Kita kena mencari peluang, bukannya kita menunggu peluang.

Kita harus menyedari bahawa setiap orang punya hambatan hidup sendiri. Hambatan hidup yang kadang-kadangnya seolah tidak bertanggung untuk kita menghadapinya. Baik ianya seorang yang kaya, ataupun mereka yang tidak berharta, mahupun seorang yang berkedudukan tinggi atau hanya orang-orang biasa sahaja. Masing-masing akan diberikan ujian Allah Subhanahu Wata'ala. Masing-masing ada bahagiannya. Semua itu hanyalah untuk menilai tingkat keimanan dan kesabaran kita kepada-Nya. Ujian Allah pada kita semua dalam pelbagai cara dan Allah tidak akan menguji lebih dari kemampuan hamba-Nya. Semua tergantung kepada kita sendiri bagaimana untuk menanganinya serta memikirkan jalan penyelesaian untuk mengakhiri hambatan-hambatan kehidupan tersebut. Jalan penyelesaian itu adalah dengan hati kita sendiri yang sentiasa mensyukuri nikmat Allah dan menjaga hubungan kita dengan-Nya.

Adapun pegangan kita untuk menjaga hubungan dengan Allah ini pada dasarnya adalah : mentaati perintah Allah dan menjauhkan diri dari kemungkaran. Jika kita tidak menjaga hubungan dengan Allah, bukankah kita akan tergolong daripada hamba yang tidak bersyukur akan nikmat-nikmat Allah? Sedangkan kita mengetahui sentiasa bersyukur itu akan menambahkan lagi nikmat dan rezeki Allah kepada kita. Jangan terdetik sedikit pun kesombongan dengan Allah. Allah yang empunya rezeki, Dialah yang memberi rezeki. Tidakkah wajar kita meminta kepada empunya rezeki sedangkan kita sombong dengan-Nya.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman di dalam Surah Al-Ankabut, ayat 17 :

Tafsirnya : "Sesungguhnya yang kalian sembah selain Allah itu tidak mampu memberikan rezeki kepada kalian. Maka mintalah rezeki itu di sisi Allah, sembahlah Dia, dan bersyukur kepada-Nya. Hanya kepada-Nyalah kalian akan dikembalikan."

Saya dimaklumkan bahawa peserta kumpulan ke-8 ini, baru beberapa bulan menamatkan sesi penempatan kerja. Alhamdulillah, tujuh orang daripadanya telah pun mendapat pekerjaan, di mana salah seorang darinya berjaya diambil bekerja oleh syarikat di mana beliau menjalani latihan penempatan kerja. Begitulah, PROPAZ hanyalah sebagai pengendali yang membuka jalan, menyediakan latihan-latihan kemahiran praktikal sebagai manfaat setiap peserta dan menjadikannya kuasa untuk menghalakan kehidupan ke arah yang lebih baik lagi.

Ke muka 21

Dari Sidang
Pengarang.

17 OKTOBER 2016 BERSAMAAN 1438 16

UBD PERLU HASILKAN GRADUAN BERPENDIDIKAN, 'MARKETABLE', 'FUTURE READY'

SEKALIPUN Negara Brunei Darussalam juga tidak terlepas daripada impak ekonomi global yang mencabar, namun bidang pendidikan tetap diangkat sebagai agenda penting negara.

Kepentingan bidang pendidikan bukan saja melahirkan sumber daya manusia yang berkualiti dan berpengetahuan malah turut berperanan besar dalam pertumbuhan ekonomi negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) semasa bertitah pada Majlis Konvokesyen Ke-28 UBD pada 15 Oktober lalu, telah menekankan pentingnya UBD untuk memainkan peranan dalam menghasilkan graduan yang berpendidikan, 'marketable' dan 'future ready' melalui program-programnya yang sentiasa relevan termasuk bekerjasama dengan stakeholders seperti Majlis Perancangan Tenaga Manusia Kebangsaan dan pelbagai industri dalam dan luar negara untuk meningkatkan employability para graduan.

Inisiatif UBD yang menyediakan peluang pembelajaran secara fleksibel kepada masyarakat umum, diharap akan menyediakan akses yang lebih besar ke dalam pendidikan tinggi bagi semua rakyat dan penduduk tanpa perlu menanggungkan pekerjaan atau perniagaan mereka.

Sehubungan dengan itu, penubuhan Centre for Lifelong Learning atau C3L yang telah diperkenalkan penubuhannya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia akan menjadi pemangkin kepada pengajaran dan pembelajaran peringkat tinggi, meliputi pendidikan berterusan dan profesional.

Di bawah inisiatif pembelajaran sepanjang hayat itu, UBD akan menawarkan program Bachelor of Science dalam bidang Digital Business bermula Januari 2017.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia percaya, laluan atau akses ke arah itu akan memberikan sumbangan signifikan kepada pembangunan negara dan ekonomi berteraskan pengetahuan atau 'knowledge-based society and economy'.

Kita sangat berbangga UBD kini berada di kedudukan sebagai universiti teratas di Asia bagi student mobility dalam Quacquarelli Symonds (QS) University Ranking selama dua tahun berturut-turut dan berada pada kedudukan pertama bagi kategori pelajar 'outbound', serta di kedudukan ketiga dalam kategori pelajar 'inbound'.

Secara keseluruhan, UBD ditempatkan di anak tangga 123 teratas bagi Universiti di Asia, di tangga ke-11 bagi kategori fakulti antarabangsa, tangga ke-13 bagi nisbah pelajar fakulti dan di kedudukan ke-17 bagi kategori pelajar antarabangsa yang mana ini menempatkan UBD sebagai salah satu universiti 20 teratas di Asia bagi lima kategori.

UBD terus memantapkan lagi peranan apabila memulakan inisiatif-inisiatif di bawah pelan strategik 5 tahun dari 2016 ke tahun 2020 yang dinamakan Towards 2020, yang diharap akan dapat membawa UBD menjadi universiti bertaraf antarabangsa yang lebih inovatif dan bercirikan keusahawanan.

Sidang Pengarang mengambil kesempatan mengucapkan setinggi tahniah kepada 1,477 para graduan yang berjaya memperoleh ijazah dan diploma dalam berbidang pada Majlis Konvokesyen Ke-28 UBD dan meruapakan jumlah yang paling besar sejak penubuhannya sekali gus memperlihatkan satu lagi kejayaan UBD dalam melahirkan graduan yang berkualiti tinggi yang akan membantu membangun negara.

Peningkatan bilangan graduan di peringkat pengajian tinggi sangat penting untuk menjaga 'knowledge-based economy' dan daya saing negara.

- Ketua Penyuntingan (Sj).

Ramalan Cuaca 3 Hari		
ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
31°C 25°C	32°C 25°C	31°C 25°C
MUKRA		
31°C 24°C	33°C 25°C	32°C 25°C
PERAK BANGAR		
32°C 24°C	33°C 24°C	30°C 24°C
PERAK TUTONG		
33°C 25°C	33°C 25°C	32°C 25°C
PERAK SERIA		
32°C 25°C	32°C 25°C	32°C 24°C
KUALA BELAIT		
32°C 25°C	32°C 25°C	32°C 24°C



WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

Masihi OKTOBER	HARI	Hijrah MUHARAM	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
17	ISNIN	16	4 . 38	4 . 48	6 . 05	6 . 28	12 . 07	3 . 24	6 . 06	7 . 16
18	SELASA	17	4 . 37	4 . 47	6 . 05	6 . 28	12 . 06	3 . 24	6 . 05	7 . 15
19	RABU	18	4 . 37	4 . 47	6 . 05	6 . 28	12 . 06	3 . 24	6 . 05	7 . 15
20	KHAMIS	19	4 . 37	4 . 47	6 . 05	6 . 28	12 . 06	3 . 24	6 . 05	7 . 15
21	JUMAAT	20	4 . 37	4 . 47	6 . 05	6 . 28	12 . 06	3 . 24	6 . 05	7 . 15
22	SABTU	21	4 . 37	4 . 47	6 . 05	6 . 28	12 . 06	3 . 24	6 . 04	7 . 14
23	AHAD	22	4 . 37	4 . 47	6 . 05	6 . 28	12 . 06	3 . 24	6 . 04	7 . 14

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit



TALIAN
KECEMASAN

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBAHANGUNAN DAN e-darussalam

123

NDMC

2380214



**TALIAN
KECEMASAN**

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Berangkat menziarahi jenazah Al-Marhumah Pengiran Babu Raja

Oleh : Saerah Haji
Abdul Ghani

Foto : Ampuan Haji Mahmud
Ampuan Haji Tengah,
Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 16 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berangkat menziarahi jenazah Al-Marhumah Yang Teramat Mulia Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Hajah Besar binti Pengiran Anak Haji Metassan di Taman Seri Alam, Kampung Beribi Gadong.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah.

Juga berangkat, paduka-paduka adinda, putera-putera dan puteri-puteri Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta kerabat diraja yang lain.

Al-Marhumah Yang Teramat Mulia Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Hajah Besar telah mangkat di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha hari ini pada jam 5.45 pagi ketika berusia 88 tahun.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga bersama-sama menunaikan Sembahyang Jenazah Berjemaah yang diimamkan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Al-Marhumah Yang Teramat Mulia Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Hajah Besar merupakan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Al-Marhumah Yang Teramat Mulia Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Hajah Besar telah berkahwin dengan Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman pada tahun 1943 dan dikurniakan dengan sembilan orang anak, 37 orang cucu dan 29 orang cicit.

Semasa hayatnya, atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Al-Marhumah Yang Teramat Mulia Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Hajah Besar telah dikurniائي gelaran



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta kerabat diraja yang lain berangkat menziarahi jenazah Al-Marhumah Yang Teramat Mulia Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Hajah Besar binti Pengiran Anak Haji Metassan di Taman Seri Alam, Kampung Beribi Gadong.

'Pengiran Babu Raja'.

Selain dari itu, Al-Marhumah Yang Teramat Mulia Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Hajah Besar telah dikurniائي

dengan beberapa Bintang Kebesaran dan Pingat Kehormat antaranya, Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati (D.K) (Dato Laila Utama);

Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua (D.S.L.J) (Dato Seri Laila Jasa) dan Pingat Hassanal Bolkiah Sultan (P.H.B.S).

Al-Marhumah Yang Teramat Mulia Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Hajah Besar aktif dalam kegiatan kemasyarakatan dan kebajikan.

Kibarkan bendera 4 kaki dari puncak bendera sehari, Naubat ditutup selama 40 hari

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 16 Oktober. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini memaklumkan bahawasanya Yang Teramat Mulia Pengiran

Babu Raja Pengiran Anak Hajah Besar binti Pengiran Anak Haji Metassan, bonda kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, telah mangkat pada hari ini, Ahad, 15 Muharam 1438 bersamaan dengan 16 Oktober 2016.

Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam seterusnya, berikutan dengan kemangkatan Yang Teramat Mulia Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Hajah Besar binti Pengiran Anak Haji Metassan, bendera Negara Brunei Darussalam dan juga bendera-bendera peribadi yang biasanya dikibarkan pada masa ini, hendaklah dikibarkan 4 kaki dari tiang puncak bendera selama satu hari pada hari ini, Ahad, 15 Muharam 1438 bersamaan dengan 16 Oktober 2016, manakala Naubat ditutup selama 40 hari mulai 15 Muharam 1438 bersamaan dengan 16 Oktober 2016.

Berangkat ke Kubah Makam Diraja



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam ketika menjirus 'aying asah-asahan' ke atas Makam Al-Marhumah Yang Teramat Mulia Pengiran Babu Raja.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,
Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 16 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berangkat ke Istiadat Pemakaman Yang Teramat Mulia Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Hajah Besar binti Pengiran Anak Haji Metassan di Kubah Makam Diraja, di sini.

Al-Marhumah Yang Teramat Mulia Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Hajah Besar binti Pengiran Anak Haji Metassan adalah bonda kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.



BERANGKAT ke Istiadat Pemakaman Yang Teramat Mulia Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Hajah Besar binti Pengiran Anak Haji Metassan di Kubah Makam Diraja, paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah menjirus 'aying asah-asahan' ke atas Makam Al-Marhumah Yang Teramat Mulia Pengiran Babu Raja.

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Norhayati; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

Ke muka 5



BACAAN Tahlil dan Doa Tahlil dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar yang juga membacakan Talkin.

Dari muka 4

Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Nasibah serta kerabat diraja yang lain.

Bacaan Tahlil dan Doa Tahlil dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar yang juga membacakan Talkin.

Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri kemudian menjirus 'aying asah-asahan' ke atas Makam Al-Marhumah Yang Teramat Mulia Pengiran Babu Raja.

Juga turut menjirus 'aying asah-asahan' ke atas Makam Al-Marhumah Yang Teramat Mulia Pengiran Babu Raja ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

Antara putera dan puteri Al-Marhumah Yang Teramat Mulia Pengiran Babu Raja ialah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha; Allahyarham Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Haji Mohd. Yusof; YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; YAM Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Haji Puteh; Yang Mulia Pengiran Anak Haji Ja'afar; Allahyarhamah Pengiran Anak Hajah Damit; YAM Pengiran Anak Hajah Rokiah; Allahyarhamah Pengiran Anak Hajah Mastura dan YAM Pengiran Anak Hajah Fatimah.

PADUKA-PADUKA adinda dan anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri menjirus 'aying asah-asahan' ke atas Makam Al-Marhumah Yang Teramat Mulia Pengiran Babu Raja.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) berkenan mengurniakan titah pada Majlis Konvokesyen Ke-28, UBD. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

Pastikan program UBD relevan

Dari muka 1

"Beta percaya laluan atau akses ke arah ini, akan memberikan sumbangan signifikan kepada pembangunan negara dan ekonomi berteraskan pengetahuan atau *knowledge-based society and economy*," titah baginda lagi.

Menyentuh mengenai ekonomi, kita adalah tidak terlepas dari impak ekonomi global yang mencabar, namun tegas Kebawah DYMM, kita tidak boleh berkompromi mengenai kepentingan pendidikan.

Bagi pengajian tinggi jelas baginda, penyelidikan dan penemuan ilmu pengetahuan atau *knowledge discovery* adalah juga yang utama.

Penyelidikan itu penting, tegas baginda, untuk menyumbang kepada kemajuan ekonomi dan kesejahteraan bersama. Maka ke arah ini, baginda sangat ingin melihat bagi UBD menghasilkan penyelidikannya.

Selain dari aspek kualiti pendidikan dan hasil penyelidikan, perancangan hala tuju universiti secara keseluruhan juga perlu mencapai sasarannya, UBD dan institusi-institusi pendidikan tinggi saran Kebawah DYMM lagi adalah mustahak untuk melibatkan diri dalam proses perancangan strategik.

Sebagaimana baginda difahamkan, pada tahun ini UBD telah pun memulakan inisiatif-inisiatif di bawah pelan strategik lima tahunnya dari 2016 ke tahun 2020 yang dinamakan 'Towards 2020', baginda berharap inisiatif-inisiatif itu akan membawa UBD ke tahap yang lebih tinggi di masa hadapan.

Pada akhirnya, baginda mengucapkan tahniah kepada para graduan yang berjaya, namun dalam pada itu mustahak juga diingat

tegas Kebawah DYMM, bahawa setiap graduan adalah perlu untuk memupuk jati diri yang baik serta mengekalkan identiti kebruneian yang berpaksikan Melayu Islam Beraja (MIB).

Selain itu, Kebawah DYMM juga ingin menekankan supaya kejayaan yang dicapai tidaklah akan disia-siakan, tetapi hendaklah digunakan untuk kebaikan dunia dan akhirat para graduan.

Baginda juga turut merakamkan ucapan terima kasih kepada semua warga UBD yang merangkumi Ahli-ahli Majlis, Ahli-ahli Senat Universiti, Naib Canselor, Pegawai-pegawai Utama, ahli akademik, pegawai dan kakitangan universiti atas segala sumbangan dan perkhidmatan mereka.

"Semoga Allah Subhanahu Wata'ala jua yang akan membalas mereka dengan ganjaran-Nya yang berlipat ganda," jelas baginda lagi.

Terdahulu sebelum itu, Kebawah DYMM dalam titahnya dengan sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan di atas kejayaan mereka menamatkan pengajian masing-masing di universiti berkenaan dan baginda berharap dengan kejayaan itu, para graduan akan dapat menjadikannya sebagai pendorong untuk terus memperolehi kejayaan dalam bidang-bidang yang diceburi pada masa akan datang.

Baginda turut mengambil maklum bahawa pada tahun ini jumlah para graduan adalah paling besar sejak penubuhan UBD, meningkat sebanyak 31 peratus berbanding jumlah graduan pada tahun lepas.

Ini termasuk bilangan tertinggi penerima Ijazah Kedoktoran, iaitu seramai 28 orang dan peningkatan bilangan di peringkat pengajian tinggi, tegas baginda lagi adalah penting untuk menjana *knowledge-based economy* dan daya saing negara.

Berkenan berangkat menyaksikan pameran Konvo

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUNGKU LINK, Sabtu, 15 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UBD berkenan berangkat menyaksikan Pameran Majlis Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam (UBD) di Tingkat 2, Dewan Canselor, universiti berkenaan.

Berangkat sama, ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Pro Canselor UBD.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UBD berkenan menandatangani lembaran kenang-kenangan sebelum menyaksikan pameran tersebut.

Pameran Konvokesyen UBD pada tahun ini mengetengahkan Pelan Strategik lima tahun (2016 - 2020) UBD dan dipaparkan dalam bentuk animasi serta video menggunakan realiti berperantara (*augmented reality*).

Pameran pertama memaparkan teknologi turbin angin CAMES, di mana inovasi ini akan membantu Brunei mencapai matlamat persekitarannya, iaitu 10 peratus dari bekalan tenaga adalah tenaga boleh baharu (*renewable energy*) menjelang 2035 selain bagi tujuan perusahaan dan usaha kemanusiaan global.

Baginda seterusnya menyaksikan pameran mengenai kajian kerjasama di antara UBD dengan beberapa institusi terkemuka antarabangsa dalam pemulihan dan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) berkenan menandatangani lembaran kenang-kenangan sebelum berangkat menyaksikan Pameran Majlis Konvokesyen UBD.

perlindungan kawasan paya gambut.

Ia juga menunjukkan bagaimana UBD menggerakkan pusat kajiannya bagi impak global juga membentangkan mengenai ciri-ciri perubatan dan penyembuhan dari kajian herba UBD yang terbaharu.

Kebawah DYMM kemudian menyaksikan paparan yang mengetengahkan usaha UBD dalam memupuk pengajaran dan pembelajaran dengan perspektif global yang ditunjukkan melalui modul Massive Open Online Course (MOOC) berkenaan Biodiversiti.

Baginda kemudian menyaksikan pameran yang mempromosikan UBD sebagai jenama cemerlang global. Ini terbukti dengan statistik peningkatan pelajar antarabangsa yang menuntut di UBD secara konsisten.

Ini diikuti dengan pameran mengenai strategi pembayaran e-UBD dan sistem kemasukan atas talian (*online*) bagi menunjukkan komitmen UBD dalam kaedah pentadbiran yang kurang karbon dan efisien.

Pameran Konvokesyen tahun ini menampilkan matlamat-matlamat dan perancangan-perancangan berstrategik untuk empat tahun ke hadapan, sebagai langkah pemerkasaan pemimpin masa hadapan melalui pendidikan inovatif dan berdaya usaha.

Pameran itu juga menunjukkan beberapa projek penyelidikan yang dapat menggambarkan arah tuju UBD yang inovatif dan progresif bagi memenuhi keperluan serta tuntutan masyarakat dunia.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mendengarkan sembah penerangan daripada salah seorang mahasiswi semasa pameran tersebut.

DPMM berangkat kurniakan Ijazah Sarjana, diploma

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Masri Osman, Hamzah Mohidin,
Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Oktober. - Jerih payah untuk menggenggam segulung ijazah dan diploma yang diimpikan oleh seramai 556 graduan Universiti Brunei Darussalam (UBD) akhirnya membuahkan hasil dengan berlangsungnya Majlis Konvokesyen Ke-28, UBD di Dewan Canselor UBD, di sini.

Berkenan berangkat menyempurnakan Pengurniaan Ijazah Sarjana dan Diploma pada sebelah petang majlis konvokesyen tersebut ialah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro Canselor UBD.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Dewan Canselor UBD dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan Naib Canselor UBD, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz.

Sejurus Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor UBD berada di atas pentas, Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dimainkan oleh Pancaragam Polis Diraja Brunei.

Ke muka 8



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan mengurniakan ijazah kepada graduan pada sesi petang majlis konvokesyen.



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan mengabdikan gambar kenangan bersama Ahli-Ahli Majlis UBD.

DPMM berangkat kurniakan Ijazah Sarjana, diploma

Dari muka 7

Pada majlis penuh bersejarah itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mengurniakan Ijazah Sarjana kepada 481 graduan, Diploma Lanjutan kepada 13 graduan, manakala 62 graduan menerima diploma.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Ijazah mahupun diploma yang diraih ini merupakan salah satu ukuran kejayaan di sepanjang pengajian di UBD, namun ia bukanlah ukuran mutlak dalam menyediakan para graduan di dunia pekerjaan.

Apa yang diharapkan para graduan telah mampu membentuk jati diri dan memperkasakan insaniah secara holistik di sepanjang pengajian di instituti tertinggi di Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang diharapkan oleh UBD, yang mana ia bukan saja mengeluarkan para graduan melalui ijazah, tetapi mengeluarkan graduan yang mampu berdaya saing di dunia luar.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah berkenan bergambar kenangan bersama graduan yang menerima ijazah masing-masing (atas), sementara gambar kanan dan bawah, antara ibu bapa dan keluarga yang hadir pada majlis konvokesyen tersebut.



ANTARA graduan-graduan yang menerima Ijazah Sarjana pada sebelah petang Majlis Konvokesyen Ke-28, UBD (kanan).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) semasa berkenan berangkat menyempurnakan pengurniaan Ijazah Sarjana dan Diploma pada sebelah petang Majlis Konvokesyen Ke-28, UBD.



Keperibadian Muslimah Misali Paksi Kecemerlangan Ummah

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Oktober. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan berangkat merasmikan Persidangan Wanita Serantau 2016 'Keperibadian Muslimah Misali Paksi Kecemerlangan Ummah' yang diadakan bagi memberikan inspirasi untuk menerapkan pemikiran dalam

membudayakan amalan-amalan keperibadian Muslimah sejati ke arah membentuk generasi berwawasan.

Majlis berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Terdahulu, majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran diikuti dengan sembah alu-aluan daripada Yang Di-Pertua Persatuan Siswazah Wanita (PSW), Negara Brunei Darussalam, Pengiran Hajah Zabaidah binti Pengiran Haji

Kamaludin selaku Pengerusi Majlis persidangan berkenaan.

Dalam sembah alu-aluannya, Pengiran Hajah Zabaidah antara lain menyebarkan, dalam menyedari golongan wanita sebagai komponen yang sangat penting dalam pembinaan sesebuah keluarga, masyarakat dan ummah, PSW percaya bahawa dengan membekalkan setiap wanita dengan ilmu dan pengetahuan yang relevan serta sesuai dengan skop peranan juga garis pandu yang ditetapkan oleh syariah, seseorang wanita muslimah akan dapat mempengaruhi, membentuk dan memberikan hala tuju mengenai sikap serta pendirian seseorang yang seterusnya menyumbang kepada masyarakat berjaya, yang mana seseorang wanita dijaga dan dilindungi kesejahteraan, kemuliaan juga harga dirinya.

Yang Di-Pertua PSW turut menyebarkan mengenai hambatan terhadap wanita khususnya wanita yang bekerja.

Pengiran Hajah Zabaidah menyebarkan, dalam satu aktiviti yang dilancarkan oleh persatuan berkenaan pada 8 Mac tahun ini sempena menyambut 'International Women's Day' yang digelar 'Online survey on Sexual Harrassment at the Workplace', satu kaji selidik rawak (*random*) mengenai gangguan seksual di tempat kerja juga dilaksanakan yang bertujuan untuk mengetahui jika kejadian tersebut berlaku di tempat kerja sama ada di sektor awam atau swasta di negara ini dan mekanisme untuk menangani aduan-aduan jika ada.

"Setakat ini, Persatuan Siswazah telah menerima lebih kurang 200 respon, 52 peratus dari sektor awam dan 44 peratus dari sektor swasta dan empat peratus dari yang lain."

Hasil dapatan menunjukkan bahawa masalah ini terdapat di kedua-dua sektor bagi mereka yang kebanyakannya berkhidmat di dalam peringkat pertengahan dan mereka yang menjadi mangsa ini merumuskan bahawa definisi gangguan seksual merangkumi perkara bersifat peribadi yang berhubung kait dengan seks termasuklah penggunaan perkataan lucah, perbuatan fizikal yang tidak bermoral, penayangan imej-imej dan gambar-gambar yang kurang menyenangkan sama ada di tempat kerja atau pun melalui media sosial," jelas Yang Di-Pertua PSW.

Tambahnya, gangguan yang dimaksudkan telah menyebabkan mangsa-mangsa merasa marah, terasa rendah maruah, berasa malu dan sebagainya.

Persatuan Siswazah jelasnya, masih membukakan kaji selidik berkenaan dan berharap akan dapat bekerjasama dengan pihak-pihak yang tertentu untuk mencari langkah-langkah pembasmian salah satu masalah yang dihadapi oleh wanita-wanita yang bekerja di negara ini.

Majlis disusuli dengan persembahan deklamasi puisi yang dipersembahkan oleh Dayang Hajah Karmila binti Haji Sapar.

Sejurus itu, Dekan Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Lily Suzana binti Haji Shamsu



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna berkenan menyampaikan sijil kepada salah seorang Mantan Yang Dipertua Persatuan Siswazah Wanita (PSW), Negara Brunei Darussalam.



SEMBAH alu-aluan disampaikan oleh Yang Di-Pertua PSW, Negara Brunei Darussalam, Pengiran Hajah Zabaidah binti Pengiran Haji Kamaludin selaku Pengerusi Majlis Persidangan Wanita Serantau 2016.



YANG Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan mengurniakan sabda perasmian Persidangan Wanita Serantau 2016 bertemakan 'Keperibadian Muslimah Misali Paksi Kecemerlangan Ummah'.

membentangkan Kertas Kerja Ucaptama 'Muslimah Brunei dalam Pembangunan Negara : Prospek dan Cabaran'.

Antara yang dibentangkan dalam ucaptama tersebut adalah penglibatan kaum muslimah dalam kemajuan masa dan bangsa yang sesungguhnya bukanlah perkara baharu, lebih-lebih lagi dalam kemajuan aspek rohaniah.

Lantaran itu, kertas kerja yang dibentangkan akan meninjau sumbangan Muslimah selaku majoriti wanita di negara ini dalam berbagai aspek mencakupi pendidikan, ekonomi dan sosial, di samping mengetengahkan cabaran

yang dihadapi oleh golongan ini.

Persidangan sehari yang dianjurkan oleh persatuan berkenaan bertujuan bagi mendalami kefahaman dan penghayatan tentang keperibadian muslimah di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Juga hadir, isteri Menteri-Menteri Kabinet, isteri Timbalan-Timbalan Menteri, isteri Setiausaha-Setiausaha Tetap, isteri Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, ketua pengarah, pengarah-pengarah dan timbalan ketua pengarah dari jabatan kerajaan dan ahli-ahli persatuan berkenaan.



SEBAHAGIAN daripada peserta yang hadir pada Persidangan Wanita Serantau 2016.

Presiden Republik Filipina tiba bagi Lawatan Negara



PRESIDEN Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Rodrigo Roa Duterte dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku Menteri Pengiring (kanan) ketika melalui tabik hormat Kawalan Barisan daripada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Dari muka 1

Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina sememangnya mempunyai hubungan persahabatan

tradisi yang lama dan telah dikukuhkan lagi dengan termeterainya hubungan diplomatik yang dicapai pada tahun 1984.

Melalui persahabatan yang berkembang, kerjasama kedua-dua

buah negara dalam pelbagai bidang telah mencapai kemajuan yang membuahkan hasil serta faedah yang ketara bagi rakyat masing-masing, selain menyumbang kepada keamanan,

kestabilan dan kemakmuran di rantau ini.

Malah hubungan kedua-dua buah negara merupakan satu contoh yang baik mengenai kesaksamaan, hubungan kerjasama

yang bermanfaat dan keharmonian yang diwujudkan bersama.

Tuan Yang Terutama Rodrigo Roa Duterte adalah merupakan Presiden Republik Filipina yang ke-16.

SBYLEP kukuhkan hubungan Brunei - Singapura

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi, Ak. Syi'aruddin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 16 Oktober. - Belia seharusnya mempertahankan dan memperjuangkan nilai-nilai asas dan murni kebruneian bagi menegakkan Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai tonggak dan asas kehidupan mereka walaupun didedahkan gaya hidup luar negara.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff menegaskan demikian semalam semasa Majlis Minum Petang bersama para peserta Program Pertukaran Kepimpinan Belia Brunei - Singapura (SBYLEP) di bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Selain memberikan pendedahan, Yang Berhormat berkata duta-duta

kecil (belia) dihantar menyertai program pertukaran berkenaan merupakan *investment* atau pelaburan negara kepada mereka.

Yang Berhormat menzahirkan keprihatinan pihak pengurusan terhadap para peserta dan seterusnya menyuntik semangat agar program dan aktiviti yang dipelopori kementerianya itu mendatangkan keberhasilan yang tinggi.

Selain itu, Yang Berhormat juga mengajak para peserta memanfaatkan program pertukaran itu melalui interaksi yang konstruktif dan kritis serta mengambil iktibar kepada amalan-amalan yang terbaik untuk dibawa pulang nanti.

Dalam pada itu, seramai 15 peserta negara yang akan mengikuti program selama empat hari di Singapura



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff (duduk, tengah) bergambar ramai bersama para peserta Program Pertukaran Kepimpinan Belia Brunei - Singapura (SBYLEP).



PARA peserta SBYLEP semasa sesi bergambar ramai bersama Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (sembilan, kanan) sebelum berlepas di Balai Perlepasan, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Program SBYLEP2016 ini berlangsung pada 17 hingga 20 Oktober 2016.

bertolak pagi tadi.

Hadir mengucapkan selamat belayar kepada rombongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Setiausaha Tetap KKBS, Dato Paduka Dr. Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Ketua rombongan, Pemangku Penolong Pengarah Penyelidikan, Perkembangan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Pengiran Haji Mohd. Asran bin Pengiran Haji Mahmud.

Pengiran Haji Mohd. Asran ketika ditemui mengharapkan para peserta program kali ketiga diadakan ini akan dapat belajar, terutama dalam membina pembangunan yang mampan dan dapat dipraktikkan apabila pulang nanti.

Program pertukaran yang bermula esok itu tambahnya, dapat menguatkan

lagi hubungan di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura dan belajar dari sana untuk menjadi belia yang berwawasan, berdikari, berdaya saing dan dinamik.

Sejajar dengan tema program kali ini 'Sustainable Development : Building Inclusive and resilient cities', para peserta akan ditekankan mengenai pendidikan nilai, memupuk jati diri dan hubungan pergaulan sihat, pendedahan kepada senario kota kosmopolitan, di samping menggalakkan untuk belajar sekali gus menimba pengalaman.

SBYLEP merupakan cetusan idea daripada peringkat tertinggi kedua buah negara demi membangun kebolehan kepimpinan belia menerusi antaranya program seumpama ini.

Obesiti dalam kalangan kanak-kanak meningkat

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Oktober. - Apabila melihat di sekeliling kita, seakan-akan menjadi perkara baharu yang biasa dalam kalangan kanak-kanak.

Ia merupakan amaran bahawa di Negara Brunei Darussalam, seorang daripada dua orang kanak-kanak yang berumur lima tahun mengalami sama ada berat badan berlebihan atau obes.

Dari 2008 hingga 2014, obesiti dalam kalangan kanak-kanak sekolah di Negara Brunei Darussalam meningkat daripada 12 peratus ke 18 peratus. Ini bermakna bahawa obesiti meningkat satu peratus setiap tahun. Jika isu ini tidak dapat diatasi setiap kanak-kanak di Brunei berpotensi menjadi obes di masa akan datang.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi dalam perutusannya sempena Hari Obesiti Sedunia 2016.

"Mengapa ini yang menjadi kebimbangan kita? Obesiti boleh mengakibatkan anak-anak kita mempunyai jangka hayat yang lebih pendek dari ibu bapa mereka. Sempena Hari Obesiti Sedunia yang diadakan pada 11 Oktober setiap tahun, sambutan tahun ini membawa tema

'Menghentikan Obesiti dalam kalangan Kanak-kanak'.

Di Brunei Darussalam, kanak-kanak obes didiagnosis semakin meningkat dengan pelbagai keadaan kesihatan yang kebanyakannya dihidap oleh orang dewasa. Contohnya diabetes peringkat kedua, tekanan darah tinggi dan gangguan tidur seperti mempunyai kesukaran bernafas ketika tidur (*sleep apnea*). Ia lebih membimbangkan apabila sesetengah kanak-kanak meninggal dunia pada usia yang sangat muda akibat serangan jantung," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, masalah obesiti kanak-kanak tidak hanya terhad pada penyakit fizikal, tetapi boleh menjejaskan kesejahteraan emosi dan mental mereka. Kanak-kanak dengan berat badan berlebihan dan obes lebih cenderung untuk dibuli, merasa terasing secara sosial, mempunyai risiko yang tinggi menghadapi kemurungan dan mungkin mengalami tahap tekanan dan keseimbangan yang tinggi.

Apa yang menyedihkan ujar Menteri Kesihatan, masalah obesiti kanak-kanak dan remaja tidak akan berhenti semakin mereka berusia. Malah, kebanyakan mereka akan terus menghadapi masalah berat badan

apabila dewasa. 62 peratus orang dewasa di Negara Brunei Darussalam mempunyai berat badan berlebihan dan obes, masalah yang kita tidak boleh diabaikan.

Melihat akan keadaan tersebut, Menteri Kesihatan menegaskan perlunya masyarakat umum menggalakkan anak-anak mereka untuk mengambil berat terhadap makanan yang dimakan dan bagaimana untuk merawat badan mereka dengan baik seperti kurangkan makanan manis dan menjadi lebih aktif, di samping melibatkan diri dengan senaman yang menyeronokkan bagi meningkatkan semangat serta mengamalkan makanan sihat yang boleh membantu mereka menjadi orang dewasa yang sihat.

Jelas Yang Berhormat, di Brunei Darussalam, kurang dari lima peratus daripada kanak-kanak memakan makanan yang disarankan, iaitu lima porsi buah-buahan dan sayur-sayuran sehari. Juga didapati 40 peratus daripada kanak-kanak berusia lima hingga sembilan tahun mengambil minuman bergula atau minuman ringan setiap hari dan pada masa yang sama makan makanan segera.

Kanak-kanak tambahnya perlu mengetahui bahawa buah-buahan dan sayur-sayuran adalah penting untuk pertumbuhan dan kesihatan mereka dalam jangka masa panjang. Ia juga adalah penting bagi mereka untuk

memahami bahawa air adalah lebih baik untuk menghilangkan dahaga mereka dari minuman bergula.

"Kita perlu melakukan sesuatu untuk menangani keadaan ini dengan segera. Malang bagi mereka yang mencari pil ajaib, tidak ada satupun intervensi yang boleh menyembuhkan. Pencegahan dan rawatan obesiti memerlukan pendekatan seluruh negara, di mana semua sektor mengambil berat dasar-dasar kesihatan - pendekatan 'Kesihatan dalam Semua Dasar'.

Alhamdulillah, di Negara Brunei Darussalam, kita sudah mula melihat tanda-tanda awal perubahan. Melihat suasana di Tasek Lama, Bandar Seri Begawan setiap petang tempat riadah tersebut dipenuhi dengan aktiviti seperti mendaki dan berjalan kaki beramai-ramai. Malah penjaja makanan yang ada di sana juga mulai menyedari peranan mereka dengan mengurangkan gula dalam penyediaan minuman dan masyarakat juga sudah mulai sedar untuk membuat pilihan yang betul dengan memilih makanan sihat di restoran dan pasar raya. Selain obesiti, kita ingin menukar perbualan dan memilih untuk menjadi sihat kembali," ujar Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat seterusnya menekankan, kesihatan adalah hak setiap individu dan mereka perlu bertanggungjawab bagi kesihatan dan kesejahteraan mereka sendiri. Ibu

bapa-ibu bapa khususnya memainkan peranan penting kerana sebagai kanak-kanak tingkah laku ibu bapa mereka menjadi contoh kepada mereka. Jika ibu bapa makan makanan yang sihat dan bersenam secara rutin tambahnya, maka kanak-kanak akan melakukan perkara yang sama. Sebarang usaha untuk membantu kanak-kanak yang obes atau berat badan berlebihan tidak akan berfungsi tanpa sokongan penuh dari keluarga termasuk ibu bapa, datuk nenek dan penjaga.

"Hari ini, pada Hari Obesiti Sedunia, tidak kira berapa berat badan awda atau di mana awda berada, berjanjilah pada diri sendiri salah satu tindakan yang awda dan keluarga awda perlu ambil untuk menjalani kehidupan yang lebih sihat untuk tahun ini. Pastikan awda boleh lakukan dan memberitahu orang lain apa matlamat kesihatan awda untuk tahun ini. Hanya dengan berjalan 10,000 langkah sehari atau mengurangkan minuman manis dari diet awda. Menggantikan menu pencuci mulut dengan buah-buahan. Menggalakkan orang lain untuk melakukan perkara yang sama. Tidak kira siapa awda atau berapa banyak masa yang awda perlukan, marilah kita lakukan peranan kita sendiri dan bersama-sama kita mampu membina Brunei Darussalam yang lebih sihat," jelas Menteri Kesihatan di akhir perutusan tersebut.

13 graduan kohort pertama terima ijazah

Oleh : Marlinawaty Hussin

TUNGKU LINK, Sabtu, 15 Oktober. - Seramai 13 graduan pengambilan kohort pertama program Bachelor of Engineering dalam bidang Chemical and Process Engineering dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda pada Majlis Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam (UBD) Ke-28, Tahun 2016.

Naib Canselor UBD, Datin Dr. Hajah Anita Binurul Zahrina Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abd. Aziz berkata, program itu adalah kerjasama UBD dengan Zheijiang University, salah satu universiti terkemuka di Republik Rakyat China, serta Hengyi Industries, di mana para pelajar menjalankan pengajian dan penempatan industri selama 18 bulan di negara berkenaan.

Menurut beliau, kesemua bakal graduan tersebut telah pun diterima bekerja dengan

Hengyi Industries.

"InsyaaAllah, ini adalah contoh kolaborasi *tripartite* di antara akademi, industri dan agensi kerajaan yang akan diperkembangkan lagi di masa akan datang," kata Datin Dr. Hajah Anita Binurul Zahrina dalam sembah alu-aluannya semasa Majlis Konvokesyen UBD Ke-28, Tahun 2016 di Dewan Canselor, UBD.

Selain itu, beliau memberitahu, UBD juga menggunakan modal yang sama, di mana ia telah memperkenalkan Program Pharmacy pada tahun ini di bawah program Bachelor of Health Science.

Beliau berkata, di bawah inisiatif pembelajaran sepanjang hayat atau *lifelong learning*, UBD juga akan menawarkan program Bachelor of Science dalam bidang Digital Business bermula Januari 2017.

Menyentuh mengenai penyelidikan, beliau menjelaskan, UBD telah menjalankan projek-projek penyelidikan pelbagai disiplin yang merangkumi kajian biologi, fitokimia dan perubatan bagi tumbuhan herba dan flora di Brunei Darussalam seperti mana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada majlis-majlis konvokesyen yang lepas.

Beliau menjelaskan, projek-projek penyelidikan itu mendokumentasikan kegunaan tumbuhan herba, di mana para penyelidik mengumpul, memelihara dan menyebarkan tumbuhan herba di Pusat Pemuliharaan UBD.

Di samping itu, katanya, ia membolehkan para penyelidik mengenal aktiviti biologi bagi tumbuhan herba dan menilai manfaatnya.

Projek-projek penyelidikan itu, katanya, akan mengenal pasti produk herba yang boleh dipasarkan di dalam dan luar negara.

"Alhamdulillah, projek-projek penyelidikan ini telah menghasilkan beberapa penerbitan kertas penyelidikan dan ia juga termasuk latihan untuk *capacity building*," ujar beliau.

Beliau turut menggariskan Pelan Strategik lima tahun UBD dari tahun 2016 ke 2020 yang diharap akan dapat membawa UBD menjadi universiti bertaraf antarabangsa yang lebih inovatif dan bercirikan keusahawanan.

Bagi mencapai matlamatnya, katanya, UBD telah mula menggunakan pendekatan Delivery atau Deliverology Approach dan Lean Management.

Menurut beliau, ini adalah usaha bagi menjunjung Titah Kebawah Duli Tuan Patik sempena Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara tahun ini.

Dalam pada itu, Datin Dr. Hajah Anita Binurul Zahrina

menyampaikan ucapan tahniah kepada bakal graduan atas kejayaan mereka dan berharap pengajian di UBD dapat memberikan bekalan bagi para graduan untuk mengemudi hala tuju masing-masing.

"Gunakanlah ilmu dan pengalaman ini untuk lebih pro-aktif dalam apa jua kerjaya yang diceburi," katanya.

Beliau juga berharap agar para graduan dapat memberikan sumbangan yang mempunyai impak kepada masyarakat dan negara.

Beliau mewakili warga UBD menyembahkan ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas sokongan padu baginda yang berterusan.

"Sokongan padu Kebawah Duli Tuan Patik adalah sumber inspirasi bagi meningkatkan dan memantapkan kedudukan UBD sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang dapat

menyumbang pada kemajuan dan perkembangan negara," ujar beliau.



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam, Datin Dr. Hajah Anita Binurul Zahrina Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abd. Aziz semasa menyampaikan sembah alu-aluan. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

MoU PAPRSB IHS - Universiti Adelaide dimeterai

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

TUNGKU LINK, Sabtu, 15 Oktober. - Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatol Bolkihah (PAPRSB IHS), Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Universiti Adelaide, Australia diadakan di Bangunan Tambahan, IHS, UBD, di sini.

Menandatangani bagi pihak UBD, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Global), Dr. Joyce Teo Siew Yean, manakala pihak Universiti Adelaide diwakili oleh Dekan Eksekutif, Fakulti Sains Kesihatan, Profesor Alastair Burt.

Hadir menyaksikan majlis tersebut ialah Dekan IHS, Dr. Hajah Rafidah binti Gharif dan pegawai-pegawai

utama serta ahli-ahli akademik UBD.

Dengan termeterainya MoU tersebut, akan dapat memberikan kerjasama yang aktif di antara kedua buah universiti berkenaan.

Melalui MoU ini, ia akan dapat menyediakan lebih banyak penempatan bagi pelajar-pelajar UBD untuk menimba pengalaman pembelajaran klinikal dalam menyambung Program MBBS dengan Universiti Adelaide.

Sebagai tambahan, UBD dan Universiti Adelaide juga akan meningkatkan kerjasama dalam pertukaran pelajar dan pegawai serta kerjasama penyelidikan dalam bidang sains kesihatan juga biodiversiti.



UNIVERSITI Brunei Darussalam (UBD) diwakili oleh Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Global), Dr. Joyce Teo Siew Yean (tiga, kiri), manakala Universiti Adelaide diwakili oleh Dekan Eksekutif, Fakulti Sains Kesihatan, Profesor Alastair Burt (kanan) semasa menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatol Bolkihah, UBD dan Universiti Adelaide, Australia.



Kebawah DYMM berkenan kurniakan ijazah kepada 1,477 graduan

Oleh : Haniza Abdul Latif, Khartini Hamir, Marlinawaty Hussin

Foto : Mohammad Azmi Awang Damit, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Mohd. Sahrizal Haji Said, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR BEGAWAN, Sabtu, 15 Oktober. Majlis Konvokesyen Ke-28 Universiti Brunei Darussalam (UBD) tahun ini menyaksikan seramai 1,477 graduan daripada kumpulan GenNext keempat telah berjaya menerima ijazah dan diploma dalam bidang masing-masing.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,

Canselor UBD berkenan menyempurnakan pengurniaan ijazah kepada graduan yang berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Dewan Canselor, UBD, di sini, dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan Naib Canselor UBD, Datin Dr. Hajah Anita Binurul Zahrina Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abd. Aziz.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Pro Canselor UBD.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Bacaan ayat-ayat suci Al-Quran Surah An-Nur dibacakan oleh Mahasiswi Ijazah Sarjana Muda Sosiologi, Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri yang pernah menjuarai beberapa pertandingan peringkat belia kebangsaan.

Diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Naib Canselor UBD yang antara lain menyebarkan beberapa perkembangan yang dilaksanakan oleh UBD semenjak konvokesyen yang lalu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian berkenan mengurniakan titah dan menyempurnakan pengurniaan ijazah kepada 921 graduan mengikut bidang masing-masing terdiri daripada 28 graduan yang menerima Ijazah Doktor Falsafah dan 893 graduan menerima Ijazah Sarjana Muda.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Pro Canselor UBD.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UBD dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro Canselor UBD semasa berkenan bergambar ramai bersama Ahli-ahli Majlis, Ahli-ahli Senat Universiti serta Naib Canselor UBD.

Tahun ini, pengeluaran graduan Ijazah Doktor Falsafah telah meningkat ke 28 penerima berbanding tahun lepas, iaitu hanya seramai 20 penerima.

Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.

Kebawah DYMM juga berkenan berangkat menyaksikan pameran konvokesyen yang menumpukan pada Pelan

Strategik Lima Tahun UBD (2016 - 2020).

UBD kini berada di kedudukan sebagai universiti teratas di Asia bagi *student mobility* dalam Quacquarelli Symonds (QS) University Ranking selama dua tahun berturut-turut dan berada pada kedudukan pertama bagi kategori pelajar outbound, serta di kedudukan ketiga dalam kategori pelajar inbound.

Secara keseluruhan, UBD ditempatkan di anak



tangga 123 teratas bagi Universiti di Asia, di tangga ke-11 bagi kategori fakulti antarabangsa, tangga ke-13 bagi nisbah pelajar fakulti dan di kedudukan ke-17 bagi kategori pelajar antarabangsa, yang mana ia menempatkan UBD sebagai salah satu universiti 20 teratas di Asia bagi lima kategori.

PARA graduan berkongsi kegembiraan bersama raja yang dikasini (atas), sementara gambar kanan, antara ibu bapa serta keluarga yang hadir pada majlis tersebut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan pengurniaan ijazah kepada graduan yang berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing (atas, bawah kiri dan bawah kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan pengurniaan ijazah kepada graduan yang berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing (kiri dan kanan).



KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN
MINDEF/DFA/RC/187 (2)
THE MAINTENANCE, SUPPLY
AND DELIVERY OF PURIFIED
MEDICAL OXYGEN FOR
THE ROYAL BRUNEI NAVAL BASE
- FIVE (5) YEARS CONTRACTS.

BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)

SYARAT-SYARAT TAWARAN

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Baharu Kementerian Pertahanan, Blok 'C', Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam,

tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 1 NOVEMBER 2016. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran (Blok 'D'), Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Kementerian Pertahanan pada hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat) bermula pada **10 OKTOBER 2016.**

b. Bayaran yuran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar di Unit Kaunter, Bahagian Kewangan, Blok 'C', Tingkat 1, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok 'D', Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran :

Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari
2.00 Petang hingga 3.00 Petang

Jumaat

8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi
2.30 Petang hingga 3.00 Petang

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar semua yuran dokumen dan bayaran tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*)

dan tidak akan dilayan.

f. Salinan sijil pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

g. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

h. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran serta catatan tarikh tutup tawaran ini.

i. Iklan-iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman sesawang : <http://www.mindef.gov.bn>.



JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

KENYATAAN SEBUT HARGA

BILANGAN SEBUT HARGA :
34/JMM/S/12/91 - 2016

TAJUK TAWARAN :
MEMBEKAL DAN MEMASANG
PAPAN TANDA - PUSAT INFORMASI
TAMAN ARKEOLOGI KOTA BATU

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. SEBUT HARGA dibukakan pada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh

kakitangan kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.

4. Dokumen sebut harga boleh diperolehi dari Bahagian Pentadbiran Jabatan Muzium-Muzium, Tingkat 2, Bangunan Arkib Negara, Jalan Dewan Majlis semasa hari / waktu bekerja.

5. Yuran tawaran bagi setiap borang adalah **BND10.00 sahaja** dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah (*bona-fide tender*).

6. Sebut Harga hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan bilangan dan tajuk sebut harga serta tarikh tutup sebut harga tanpa menyatakan nama penender / syarikat dengan dialamatkan kepada **Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga, Jabatan Muzium-Muzium,**

Negara Brunei Darussalam.

7. Sebut Harga yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan di :

Bahagian Pentadbiran
Tingkat 2, Bangunan Arkib Negara
Jalan Dewan Majlis
Negara Brunei Darussalam.

tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa,
25 Oktober 2016.

8. Sebut Harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

9. Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran adalah pada **Isnin, 24 Oktober 2016 jam 12.00 Tengah Hari.**

10. Sebut Harga mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

11. Sebelum dokumen sebut harga dikeluarkan, setiap syarikat dikehendaki

membawa dan menghadapkan salinan Sijil Pendaftaran Syarikat (Business Enactment Section 16 & 17 / Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal, Kementerian Pembangunan) serta dikehendaki membayar yuran tawaran dengan kadar yang telah ditetapkan.

12. Setiap borang sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran (seperti kenyataan para 11) dan salinan resit pembayaran yuran tawaran (seperti kenyataan Para 5).

13. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

14. Syarikat yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan LTN/4 (39/1997).



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA PEMBEKAL-PEMBEKAL YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : PEMBEKAL-PEMBEKAL YANG DILULUSKAN SAHAJA KATEGORI :
(P02 SAHAJA) - (KOD BAHARU)

TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN :
25 OKTOBER 2016 (SELASA)
TARIKH TUTUP :
8 NOVEMBER 2016 (SELASA)
TIDAK LEWAT
DARI JAM 2.00 PETANG

BIL. : JKR / DWS / 011 / 2016

NAMA PROJEK :
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR
8,000 TON METRIK HYDRATED LIME
KE LOJI-LOJI RAWATAN AIR,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(TAWARAN SEMULA)
YURAN TAWARAN : BND500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)
YURAN E-DOKUMEN : -

DIBUKAKAN KEPADA PEMBEKAL-PEMBEKAL YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : PEMBEKAL-PEMBEKAL YANG

DILULUSKAN SAHAJA KATEGORI :
(P02 SAHAJA) - (KOD BAHARU)

TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :
25 OKTOBER 2016 (SELASA)
TARIKH TUTUP :
8 NOVEMBER 2016 (SELASA)
TIDAK LEWAT
DARI JAM 2.00 PETANG

BIL. : JKR / DWS / 012 / 2016
NAMA PROJEK :
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR
27,500 TON METRIK ALUMINIUM
SULPHATE KE LOJI-LOJI RAWATAN
AIR, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(TAWARAN SEMULA)
YURAN TAWARAN : BND500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)
YURAN E-DOKUMEN : -

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : I, II & III KATEGORI :
(B01, KPB02, KPB11 SAHAJA) -
(KOD BAHARU)

TARIKH AKHIR MENGAMBIL

DOKUMEN TAWARAN PADA :
25 OKTOBER 2016 (SELASA)
TARIKH TUTUP :
8 NOVEMBER 2016 (SELASA)
TIDAK LEWAT
DARI JAM 2.00 PETANG
BIL. : JKR / DTS / 17/STE/ 2016-T/II

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH
KEROSAKAN STRUKTUR BANGUNAN
GALERI SENI, BANDAR SERI
BEGAWAN - FASA 1
NO. PROJEK : JKR/DTS/DEPT/28/2016
YURAN TAWARAN : BND30.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)
YURAN E-DOKUMEN : -

- Tempoh siap projek berkenaan diubah dari lima (5) bulan ke enam (6) bulan.

- Kadar denda & ganti rugi diubah dari BND200.00 ke BND170.00 / sehari. (BIL. : JKR / DTS / 17/STE/ 2016-T/II)

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain dari alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan

menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DBSKB ...") bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran kontraktor dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT

JUALAN SECARA SEBUT HARGA BAGI SATU (1) LOT HARTA BENDA KERAJAAN KEPUNYAAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI DAN KEMENTERIAN PERTAHANAN.

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong, firma swasta dan orang-orang perseorangan untuk memberikan sebut harga bagi penjualan barang-barang dan kerja-kerja pengangkutan yang dihapuskan dari kira-kira seperti yang tersenarai di dalam borang sebut harga.

2. Yuran dokumen sebanyak **BND10.00 tunai (tidak dikembalikan)** bagi satu borang sebut harga dan borang tersebut boleh diambil di alamat berikut :

**Blok C, Tingkat Satu
Unit Kaunter Perkhidmatan Pelanggan
Jabatan Kewangan dan Perolehan
Kementerian Pertahanan
Bolkiah Garison.**

3. Tawaran hendaklah dihantar dengan sampul surat yang bertutup rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk dan bilangan sebut harga yang berkenaan tanpa menyatakan identiti penawar dan dihantar ke alamat di bawah ini dengan mengikut arahan yang

dinyatakan dalam dokumen sebut harga ini.

**TAWARAN PEMBELIAN
DAN PENGANGKUTAN
BARANG YANG DIHAPUSKAN
DARI KIRA-KIRA
KEMENTERIAN PERTAHANAN
RUJUKAN :
MINDEF/DFA/MWOC/L/1 (10/2016)**

4. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam :

**Box No. 6, Peti Sebut Harga
Blok D, Tingkat Bawah
Unit Kaunter Perkhidmatan Pelanggan
Jabatan Kewangan dan Perolehan
Kementerian Pertahanan
Bolkiah Garison.**

5. Tarikh tutup : **Rabu, 2 November 2016, tidak lewat Jam 10.00 Pagi.**

6. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.

7. Keterangan yang dicatatkan di dalam borang sebut harga tersebut hendaklah diisikan dengan lengkap dan teratur mengikut syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa ini. Setiap sebut harga hendaklah dicatat dengan angka yang jelas dan betul termasuk jumlah perkataannya.

8. Harga bagi setiap tawaran hendaklah tidak kurang dari harga permulaan yang telah ditetapkan. Mana-mana tawaran yang kurang dari harga-harga yang ditetapkan besar

kemungkinan tidak akan dipertimbangkan.

9. Sebut Harga Tuan / Puan tidak akan dilayan dan dipertimbangkan jika :

9.1 Tidak membubuh **TANDATANGAN, CAP SYARIKAT** (jika berkenaan) dan **NOMBOR RESIT.**

9.2 Mengubah apa-apa keterangan tawaran sebut harga dengan menggunakan **CORRECTION FLUID.**

10. Dokumen sebut harga akan diberikan hanya setelah pemborong mengemukakan resit pembayaran yuran tawaran pada Jawatankuasa Penghapusan Dari Kira-Kira, Kementerian Pertahanan.

11. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang sebut harga asal (*original*) yang telah disediakan. Borang-borang yang disalin tidak akan diterima dan dilayan.

12. Barang-barang yang dilelong ini boleh dilihat di tempat yang disediakan, iaitu di **Stor RSSD, Jabatan Logistik, Bolkiah Garison.**

13. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar penuh secara tunai dan memindahkan barang-barang yang dibeli itu tidak lewat (7) hari bekerja dari tarikh makluman berjaya. Kegagalan berbuat demikian mengakibatkan pembelian boleh dibatalkan dan wang pembayaran yang sudah dibuat tidak akan dikembalikan.

14. Jika sekiranya harga yang ditawarkan dan harga permulaan adalah sama / tidak berubah, sebut harga berkenaan tidak semestinya berjaya. Semua pembelian adalah berasaskan *as is* dan *where is*.

15. Waktu-waktu penerimaan pembayaran dan menyaksikan barang-barang tersebut

adalah seperti berikut :

**Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 3.00 Petang
Jumaat
8.00 Pagi hingga 10.30 Pagi
2.30 Petang hingga 3.00 Petang**

16. Pihak Jawatankuasa Penghapusan Dari Kira-Kira, Kementerian Pertahanan berhak untuk mengeluarkan / menarik balik tawaran barang-barang berkenaan pada bila-bila masa sahaja.

SYARAT-SYARAT WAJIB

17. Pembeli yang berjaya mestilah menyediakan pengangkutan sendiri dan kelengkapan keselamatan kepada pekerja-pekerjanya bagi mengelakkan bahaya dan segala kerja-kerja pengemekan dan pemindahan hendaklah dilaksanakan dengan selamat.

18. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.

19. Pihak jawatankuasa berhak membatalkan pembelian sekiranya penawar gagal menepati tempoh, peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan.

20. Kerajaan tidak terikat untuk menerima keseluruhan atau sebahagian sebut harga yang dihadapkan.

21. Maklumat lanjut mengenai dengan barang-barang, lokasi-lokasi dan borang sebut harga berkenaan, sila hubungi pihak **RSSD Jabatan Logistik, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison di talian +673 2386147 / +673 2386533 / +6732386900** untuk melihat / mengetahui keadaan barang-barang berkenaan.



JABATAN PERIKANAN

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**BILANGAN TAWARAN : JPI/04/2016
TAJUK : SUPPLY, INSTALL,
TESTING AND COMMISSIONING
OF SEAWATER INTAKE
PIPELINE EXTENSION
AT KERAMUT SEAWATER PUMP
STATION, TUTONG DISTRICT,
DEPARTMENT OF FISHERIES.**

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Peti Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Sumber-Sumber Utama**

**dan Pelancongan
Tingkat Bawah
Bangunan Kementerian Sumber-Sumber
Utama dan Pelancongan
Jalan Menteri Besar, BB3910
Negara Brunei Darussalam.**

2. Tawaran hendaklah dihantar **tidak lewat pada Selasa, 1 November 2016, jam 2.00 Petang.** Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemborong, ditulis atas sebelah kiri sampul surat :

**TAWARAN BAGI
'SUPPLY, INSTALL, TESTING AND
COMMISSIONING OF SEAWATER
INTAKE PIPELINE EXTENSION**

**AT KERAMUT SEAWATER PUMP
STATION, TUTONG DISTRICT,
DEPARTMENT OF FISHERIES'.**

**Bilangan Tawaran : JPI/4/2016
Tarikh Tutup : 1 November 2016
Jam Tutup : 2.00 Petang.
Tarikh Taklimat : Sabtu,
22 Oktober 2016
Bertempat : Stesen Pam
Jabatan Perikanan, Kampung Keramat,
Telisai, Tutong
Jam : 9.00 pagi**

4. Untuk penerangan lanjut dan bagi mendapatkan dokumen tawaran, pemohon-pemohon boleh menghubungi **Business & Investment Development Division, Tingkat 1, Kompleks Perikanan Muara, Simpang 287-53, Jalan Pantai Serasa, Kampung Serasa, BT1728, Negara Brunei Darussalam** pada talian **+673 2770066** sambungan 119 dan pembayaran dokumen tawaran di Tingkat Bawah, Kompleks Perikanan Muara, Simpang 287-53, Jalan

Pantai Serasa, Kampung Serasa, BT1728, Negara Brunei Darussalam pada hari-hari bekerja :

**Isnin hingga Khamis dan Sabtu
8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi
1.45 Petang hingga 3.00 Petang**

5. Penender mestilah mempunyai sijil pendaftaran syarikat di Kementerian Pembangunan dan mempunyai **Kategori Kelas III dan Sub-Kategori KA01, M03, KP03.**

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.

7. Salinan dokumen-dokumen seperti pendaftaran perniagaan, lesen rampaian, kad pengenalan / pasport dan daftar pemilik syarikat hendaklah disertakan semasa mengambil dan menghantar borang tawaran.

8. Dokumen-dokumen tawaran boleh didapati mulai **Rabu, 12 Oktober 2016.**


JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI

UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

BILANGAN TAWARAN : JPA/ICT/INFRA/01/2016

**TAJUK TAWARAN : THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION,
CONFIGURATION, TESTING, TRAINING, COMMISSIONING, INTEGRATION
AND MAINTENANCE OF PSD NETWORK INFRASTRUCTURE UPGRADE**

Tarikh Tutup : 1 November 2016, Selasa, 2.00 Petang.

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat teknologi maklumat (IT) yang sah berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan yang mempunyai **AAB Status** dan **ICTAB Kelas 3 dan 4 sahaja.**

2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk tawaran dengan bilangan tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti atau logo syarikat / pembekal.

3. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran ke alamat yang tersebut di bawah **tidak lewat dari jam 2.00 Petang, Selasa, 1 November 2016.**

PENGURUS

DAYANG Nur Asyiqin Rabiyyatul Adawiah Haji Mohammad Syafien juga mendapat Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Operations Research and Financial Mathematics, sangat gembira dapat merealisasikan cita-cita ibu bapa dan membuat mereka berbangga sebagai anak yang sulung dalam keluarga. "Saya berasa amat bersyukur sekali menjadi Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia kerana diberikan peluang melanjutkan pelajaran tahap tinggi. Pada masa ini, saya sedang melanjutkan pelajaran saya ke tahap bidang Sarjana. Dengan harapan selepas ini akan dapat diguna pakai dan disumbang semula apa yang telah dipelajari untuk bersama-sama membangun Negara Brunei Darussalam."



PENGAMBILAN pertama Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan di UBD, ditempatkan di Universiti Zhejiang, Hangzhou Republik Rakyat China selama setahun lapan bulan pada tahun 2014 - 2015, penempatan kerja selama enam bulan di Syarikat Hengyi Industries di Republik Rakyat China dan di Negara Brunei Darussalam. Selepas menerima ijazah, 13 graduan ini akan terus diambil bekerja di Syarikat Hengyi. Dalam gambar para graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Chemical and Process Engineering) bergambar bersama Dekan, Pensyarah Fakulti of Integrated Teknologi (FIT), UBD dan para pegawai Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd.



Timbalan Mufti Kerajaan hadir persidangan Mesir

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Oktober. - Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin bertolak ke Kaherah, Republik Arab Mesir bagi menghadiri Persidangan Antarabangsa yang diselenggarakan oleh Majlis Mufti Mesir dengan tajuk

TIMBALAN Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin (kiri) sebelum bertolak ke Kaherah, Republik Arab Mesir. Turut mengiringi beliau Pegawai Istinbat Kanan, Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Abd. Rahman bin Pengarah Haji Mokti.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Mufti Kerajaan

persidangan 'Scientific Training and Preparation for Imams and Mufties in Countries which have Muslim Minorities'.

Persidangan dua hari itu bermula pada 17 hingga 18 Oktober ini diadakan di Hotel Al Masa (Diamond), Bandar Nasr, Kaherah Mesir.

Turut mengiringi beliau Pegawai Istinbat Kanan, Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Abd. Rahman

bin Pengarah Haji Mokti.

Persidangan yang dijangka dihadiri oleh delegasi-delegasi dari 80 buah negara akan membincangkan beberapa isu penting yang berkaitan dengan minoriti Muslim di negara-negara barat dan meliputi tatacara untuk mempersiapkan imam-imam dalam menangani ekstremisme serta cara menghadapi cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Islam.

Gigih belajar raih kejayaan

HALUAN

PROPAZ bantu tingkatkan taraf sosioekonomi kehidupan

Dari muka 2

Seperkara yang menarik perhatian saya, kebanyakan peserta program kali ini mempunyai minat dalam bidang perniagaan, pertanian dan masakan. Dalam hal ini, saya ingin menyarankan dan menasihatkan agar para peserta akan terus mendalami serta menimba ilmu dalam bidang yang mereka minati, sama ada melalui pendidikan formal mahupun berbentuk umum. Pendidikan berbentuk umum boleh saja kita perolehi dengan membaca atau mendengar pengalaman-pengalaman mereka yang bergiat di dalam bidang-bidang tersebut. Sering kita mendengar dan membaca kisah kejayaan individu-individu dan peniaga-peniaga yang memulakan perniagaan mereka secara kecil-kecilan atas dasar minat yang mendalam. Saya percaya dan penuh yakin, kejayaan tersebut bukanlah sekelip mata mereka perolehi kerana membaca kisah-kisah mereka, sangatlah perit dan sukar perjalanan mereka menuju kejayaan. Akan tetapi dengan adanya semangat yang kental dan usaha yang bersungguh-sungguh serta tanpa jemu-jemu mencari ilmu bagi meningkatkan pengetahuan dalam bidang yang mereka minati, akhirnya mereka berjaya menjadikan minat tersebut sebagai sumber pendapatan ekonomi keluarga. Inilah contoh perubahan dan kejayaan yang kita harapkan.

Justeru itu, suka saya nasihatkan agar dalam melakukan apa jua pekerjaan, maka lakukanlah sebaik-baiknya. Carilah keredhaan dan keberkatan rezeki dari Allah Subhanahu Wata'ala kerana Allah sangatlah menyukai orang yang melakukan pekerjaan mereka dengan sebaik-baiknya, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam :

"Sesungguhnya Allah Azza Wa Jalla sangat menyukai seseorang itu apabila dia bekerja, dia akan membuat yang terbaik." (Riwayat at-Thabrani)

Allah Subhanahu Wata'ala telah sedia memberikan kemudahan sebagai panduan hamba-hamba-Nya dalam menjalani kehidupan di dunia ini. Termaktub di dalam Al-Quran beberapa mata pencarian yang halal yang boleh dikerjakan oleh manusia. Contohnya pekerjaan dalam bidang perniagaan telah disebut dalam Surah Al-Baqarah, ayat 282 - 283, pekerjaan dalam perternakan juga telah disebut, antaranya di dalam Surah Thaahaa, ayat 18, Surah Yaa Siin, Ayat 72 - 73, Surah An-Nahl, ayat 5 - 8, begitu juga dengan anjuran bercucuk tanam yang telah disebutkan dalam Al-Quran, antaranya Surah Al-An'aam, ayat 141, Surah Ar-Ra'd, ayat 4, manakala pekerjaan pertukangan, perikanan dan perkapalan, masing-masing termaktub dalam Al-Quran, antaranya dalam Surah Saba, ayat 12, Surah Faatir, ayat 12, Surah Hud, ayat 37 - 38. Sangat luas nikmat Allah kepada hamba-hamba-Nya, kita hanya tinggal untuk memilih, mencari dan berusaha melaluinya sahaja. Jangan pernah menyerah kalah.

Dalam usaha meningkatkan diri dan merubah kehidupan, jangan pula kita lupa akan tanggungjawab dan kewajiban-kewajiban yang lain, demi mendapat keberkatan dan keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala. Ini adalah perkara yang utama dan sudah setentunya menjadi pegangan kita kerana Allah Subhanahu Wata'ala telah berfirman dalam Surah At-Thalaq, ayat 2 - 3 :

Tafsirnya : "Dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya) serta memberikannya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan (ingatlah), sesiapa berserah diri sepenuhnya kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendaki-Nya. Allah telah pun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu."

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada para penerima sijil dan juga setinggi-tinggi penghargaan kepada PPB, KKBS, rakan-rakan Kerjasama Strategik yang terdiri dari agensi swasta di atas penglibatan dan sokongan padu di sepanjang program ini dilaksanakan. Penghargaan juga diucapkan kepada Urusetia Program Pengupayaan Asnaf Zakat, Jabatan Majlis Ugama Islam dan Jawatankuasa Kerja yang menyelenggarakan majlis pada petang ini.

Sekian. Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Oktober. - Ilmu sangat penting bagi setiap individu untuk terus berjaya terutama di era serba mencabar ini, di samping membantu diri untuk berjaya dan ilmu juga penting dalam membantu pihak kerajaan mencapai Wawasan Brunei 2035.

Bagi graduan jurusan Ijazah Sarjana Sastera (Pengajian Brunei Secara Penyelidikan), Awangku Mohd. Wafi bin Pengiran Haji Abdul Rahim, 'Ilmu adalah segalanya' merupakan kata-kata semangat yang telah dapat mendorong beliau menjalani pengajian sehingga tamat.

Beliau yang merupakan salah seorang graduan Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam (UBD) Ke-28, seterusnya menyarankan kepada semua penuntut di Negara Brunei Darussalam untuk terus merebut peluang dalam menuntut ilmu.

"Saya mengambil kursus pembelajaran secara penyelidikan. Oleh itu, saya berharap kajian yang telah dibuat itu akan dapat memberi kepentingan dan menambahkan lagi pengetahuan masyarakat Brunei," jelasnya ketika ditemu bual pada majlis konvokesyen yang berlangsung di Dewan Canselor, di sini.

Sementara itu, Dayang Khairiah Hanna binti Haji Kifli yang mengambil jurusan Ijazah Sarjana Kaunseling (Secara Kerja Kursus) pula berharap, ilmu yang diperolehi dari ijazah sarjana muda sehingga ke Ijazah Sarjana, akan dapat dipraktikkan bukan sahaja di alam kerja, malah juga dalam kehidupan secara umum.

"Never Give Up!" Gagal sekali bukan bererti gagal selamanya. Terus dan terus berusaha tanpa putus asa, insyaaAllah akan membuahkan hasil yang memuaskan. *And most importantly, don't ever lose your*



AWANGKU Mohd. Wafi bin Pengiran Haji Abdul Rahim, graduan jurusan Ijazah Sarjana Sastera (Pengajian Brunei Secara Penyelidikan).

self-values even when you've succeeded," tegasnya.

Bagi Dayang Nurul Dina Kazimah binti Kifli yang juga mengambil jurusan Ijazah Sarjana Kaunseling (Secara Kerja Kursus) pula berpendapat, *aim, believe and action* adalah perkataan yang patut ada di setiap diri individu dalam segala apa-apa cabaran atau tugas yang mereka hadapi dan beliau seterusnya berharap dengan kejayaan yang ada ini beliau akan terus berbakti kepada orang tua dan membalas jasa mereka setelah mendidiknya hingga hari ini serta mengaplikasikan ilmu yang dituntut dalam dunia pekerjaan nanti.

Dua lagi graduan yang mengambil jurusan Ijazah Sarjana Kaunseling Dayang Nurul Aqidah binti Yussof dan Dayang Nur Asfarina binti Haji Omar juga mengongsikan pengalaman semasa menjalani pengajian mereka.

Dayang Nurul Aqidah berkata, sebelum mengikuti jurusan pengajian, beliau merupakan pelajar yang pemalu, pendiam dan tidak yakin pada diri sendiri untuk melakukan sesuatu perkara.

Namun pada akhir pengajian jelasnya, bukan sahaja beliau mempunyai kepercayaan diri akan keupayaan dalam mengendali tekanan belajar, tetapi juga berjaya mengatasi setiap halangan, cabaran dan bermacam situasi yang dihadapi.

Beliau mendapat sokongan dan kasih sayang daripada rakan-rakan di sepanjang pengajian mereka selama setahun setengah dalam menyesuaikan diri, menghadapi pelbagai konflik dan mengenali baik buruk satu sama lain.

Tambahnya, bukan sahaja berjaya menamatkan seni komunikasi dan perhubungan awam, tetapi juga setiap individu perlu berjaya dalam mengatur langkah dan pemikiran masing-masing serta hal ehwal kebajikan.

Pada akhir pengajian, seseorang



DAYANG Khairiah Hanna binti Haji Kifli, graduan dalam jurusan Ijazah Sarjana Kaunseling (Secara Kerja Kursus).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hamzah Mohidin

pelajar bukan sahaja harus menyelesaikan projek dan tugas, tetapi apa yang lebih penting adalah hasil yang diperolehi serta intelek yang ada pada seseorang pelajar itu atau mungkin cara untuk menaik taraf diri masing-masing untuk melangkah ke fasa kehidupan yang seterusnya.

Akhirnya beliau berharap akan dapat mencapai sesuatu yang lebih berbeza dari apa yang biasa.

Manakala Dayang Nur Asfarina pula menjelaskan, setiap penuntut pastinya akan menghadapi masalah atau kesukasan ketika belajar, justeru, sebagai perkongsian kata-kata semangat, ingatlah 'di saat kita meraih kejayaan, tidak perlu tinggi hati. Di saat kita mengalami kegagalan tidak perlu rendah diri, pastikan untuk tetap yakin dan berjuang'.

Beliau berharap agar bidang jurusan kaunseling dapat dipandang tinggi dalam kalangan masyarakat kerana kaunseling sangat berguna untuk motivasi diri dan memberikan motivasi kepada yang lain.

Rata-rata kesemua graduan memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya mereka telah berjaya menyelesaikan kursus pembelajaran masing-masing.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan juga dirakamkan kepada pelbagai pihak atas sokongan, dorongan, kerjasama, kesudian dan keikhlasan yang diberikan, yang telah banyak membantu dalam menjayakan pelaksanaan kursus pembelajaran terutama kepada ibu-bapa, ahli keluarga, penyelia, informan-informan atau narasumber, responden-responden dan pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



DAYANG Nur Asfarina binti Haji Omar, graduan dalam jurusan Ijazah Sarjana Kaunseling.



حرماتي دان سايغي ورکا اُمس

مسلمین پر رحمی اللہ

ما رايه گيت منيفيگيگن كشتوان گيت كقد الله سبحانه وتعالى دهن
شوه كيقيبن دان كاخلاصن دهن ملاكوكن سكل سوروهن دان منيفكلكن
سكل لا راغن. مدهدلهن گيت منهادي انسان يخ بريمان دان برتقوي
سرت سلامت دديا دان سلامت داخه.

مسلمین یغ در رحمتی اللہ

آكام اسلام مريتهنك اومتن اكر ساليغ حرمة مغيرماتي ائتارا ساتو سام لائن تنفا مقوا بقسا، درجۃ اتوقون كتورونن. سيكف حرمة مغيرماتي اين قرو دسمائي سحق كجيل لائي له ۲ لائي اتوق مغيرماتي دان ترووات بايك ترهادف كلوا ايوياف. سدرله، ايوياف تله برسوسه قايه منحاك دان ميسركن كيت سحق دري كننوعن ايو لائي سهيكله كيت ديواس. سميمغن جاس مريك اين تيدق دافۃ اتوق دبالس افه لائي دغن واخ ريغكيت. اوله ايت سستياسله كيت مغيرماتي، رينقي دان بروات بايك كفد مريك هيغك كاخر حياء مريك.

سسيڱوھن حڪوم مغرماتي دان بربوات بايٽ ڪلڏا ڀينرواف اداله
واجب ڪران اي مروفاڪن فرقيته الله سبحانه وتعالى. جاك ڪيت تيدق بربوات
بايٽ ترهادف ڪلدوان ميڪ ڪيت ملاڪواڪن دوسا پسر ڪران ملهڪر فرقيته الله
سبحانه وتعالى. فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة الاحقاف آية ۱۵:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَوَضَعْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنَ مَوَاقِعَ ۚ ثُمَّ رُفِعَ أُمُّهُ كُرْهًا وَوَضَعَتْهُ كُرْهًا ۖ ... ﴿٥٠﴾

صدق الله العظيم

تفسير:

دان کامی مرپتتهکن مانسی سفای پروات پایک کفد ایوباقن؛ ایوبن
تله مغنلوغن دغن سوسه فایه دان ملاهرکن دغن سوسه فایه.

مسلمون يثق في رحمتي الله،

سنگوھن تردافه بايق چارا اتوق کيت بولقي دان بربوات بابك
ترهادف ايوباف، جنتوهن کيت واحب برلاکو موغن فان حرمة، نيدق
دوبولمکن برچاکف کاسر، هندقله ممغکيل مريک دغن سوارا يغ له لموت دان
فمکيلان يغ منهغن. اقبيل مريک ممغکيل هندقله کيت منداتغن سوت منحواب
فرپانن دغن سکر، اقبيل مريک ميمتا مکانن الو فکانن، کيت اداله واحب
اتوق منوليکن، اقبيل مريک ميورود بربوات سسوات الو ميمتا بتوان کيت
هندقله ملقسانکن کحوالي فرکارا يغ دلاراغ اوله اکام دان جافن سکالي ۲
کيت لوقا مندعاءکن مريک سفای الله سبحانه وتعالی اکن مقمقوتکن دوسا ۲
مريک. سترن بکيتو نيغکي کاوغان بربوات بابک کغد ايوباف منوروت
آجارن اکام اسلام، سباکيمان رسول الله صلى الله عليه وسلم قرنه دنان
برکتان حق ايوباف ترهادف انقن. بکندا منحواب: "هُمَّا حَقِّكَ وَتَرَاكَ."

مقصود دہ:

كَلُوا مِنْهُ لَعَنَ اللَّهُ مَيْمَنَ يَدِهِ أَفْكَو مَسَوَى أَفْكَو (جَكَ أَفْكَو
مَنْطَاعِي مَيْمَنَ) أَفْكَو مَسَوَى أَفْكَو (جَكَ أَفْكَو دَرَهَاكَ كَفَدَ
مَيْمَنَ). {رواية إمام ابن ماجه}.

مسلمین پر درجہ حق تعالیٰ

مہائی اُنک ادا کہ کیت سوده منویکن نفکو عحاب کیت دالم

منجھاک کنڊوا ٻيوياف؟ ڪنھن به ادالہ واجب باکھي ڪيت اتنوق منونڪن
تفڪو غجواب دالم منجھاک ٻيوياف، ٻه ۲ لاکھي ٻيوياف پڻ ٿلہ نوا دان غلبر
پڻ ٿيدق برؤلوقاي اتنوق مغوروس ڌيري مريڪ لاکھي. دالم مفھادي
سيواسي سدمنڪن سياکھي شعورغ آق ھندقلہ برصر ملائني ڪرينہ مريڪ،
جاغن مودہ ھيلغ صبر، ملنتيغ دان مارہ، ڪران قربوانن دمڪن اڪن
مغڪوريس دان مياڪيٽي ھاتي مريڪ. جڪ ھاتي مريڪ ترڪوريس، اين اڪن
مھوانڪن ڪيت منجھادي اتق پڻ درھاک دان بالسنن ادالہ نراڪ، وتقودُ ڀالھ
من ڏلڪ. سالہ ساتو تندا ۲ اتق پڻ درھاک ڪنڊا ٻيوياف ٻالہ اتق پڻ
مغغقيشڪن ڪنڊا ٻيوياف مريڪ مناعھس ڏسيڪن قربوانن اتق ترسيوت
ملوڪاڪن ھاتي مريڪ. اين جلس سياکھيمان پڻ درواشڪن درقد ٻن عمر
رضي اللہ عنھما، ٻياو برڪات، مقصودن: مھيڪن ڪنڊا ٻيوياف مناعھس
ترماسوق دانتارا فرڪارا درھاک دان دوسا ۲ پسر.

مسلمون بفقر رحمتي الله،

ادفون تنوتن بربوات باباك، بوكن ترحد كغد [ايوباف سهاج بهكن
فرماسوق جوك كغد اورغ ۶ توا اتو وركا اms، سعاد يغ اد هو بوغن
ككلولر كان اتوقون تيدق. سسكوهن وركا اms جوك مقوياي حق اتوق
منداقه كاسيه سايع دان قفحرماتن دغن منحاك حق ۲ مريك. الحمد لله،
وركا اms دنكارا كيت تيدق دايابكن دان مريك تيدق تركجوالي منربا
كموداهن درقد قيهق كراجان. مريك ديربكن فرلنجان بولنن يابت قينجين
عمور توا. اين منجوقن قفحرماتن سرت كقريهاتين كراجان ترهادف
وركا اms. والو باكيماقون سباكي مسورغ اتي تيدق اكن ترلفس
نفكوغجواب اتوق تروس مهننو كندا اورغ توا سعاد دري سكي كاواغن
ماهوقون بتوان ۲ يغ لاي. تنافي اف يغ مديهكن ترداقه سكلتير اتي ۶ يغ
مغميل كسمقان مهنسا واغ اتو مگكوناكن واغ قينجين عمور توا ايوباف
مريك اتيق منموق فرلنجان كلوارك مريك سدغن واغ ايله سهاج يغ
دهارفكن اوله ايوباف مريك اتيق سقدر فرلنجان حك مريك ايت تباد
مقوياي قنداقن لاي. كيايكن ايوباف بريدن دري دمي مغيلقن
قرتقكارن دان مغيلقن درقد ديري مريك تيدق دقنوليكن. كادغ ۶ ترداقه
قول ايوباف يغ سوده عذر دسوروه اتوق منحاك جوجو قد حال مريك
سندري تيدق برلوقي اتوق متحاك ديري مريك سندري. مريك سندري
سينر فرلوكن قنجان دان فرهاتن، نامون دسيكن ترالو كاسيهكن اتي،
نين ترسوت دتغكوغ جوك دغن مندم واس.

مسلمون بقرحمتی اللہ،

أشارا تفككو ع جواب يخ قولو كيت لقسناكن ادا له ميري كاسيه سايع
دان قراهين ترهادف ايوباف دان اورغ ۲ تواء، يات دغن ممدولي كقرلوان
دان كيحيقن مريك سرت مغكبيواكن هاتي مريك. جاجن محقي ترجاتي
قغاباين ايوباف دغن مميواركن مريك تيغكل برسنديرين دالم كادان عذر
دغن آلاسن ترالو سيويق اتو تيدق اد ماس دان تيدق اد مسياف يخ يوله
دهارفكن اتوق متحاك دان مغوروس مريك. قولو دلة بهوا قغاباين ايت
اداله قراهين درهاك ترهادف ايوباف يخ قاتوت كيت هينداري.

کیت جاغن لوقا بهوا کیت تیدق سلامان مودا. تنای اکن ملالوی زمان توا، مک قد کیک ایتله بارو کیت مراسکن اف یغ اورغ توا رس قد ماس این. جنک کیت تیدق معمرماتی مریک، مک کلکی، کیت جوک تیدق اکن دحرماتی. ایتله حاصل بالسن انس تیغکه لاکو انق یغ تیدق ملقسانکن تغکو عواجن ترهادف اورغ توا مریک.

سودارا ۲۱ سکلین، کالو ایوباف سفکوف منحاك أفق ۲۲ یغ رامی،
کشاف قول کیت تیدق سفکوف منحاك مرک، لبه ۲ لاکي مرک یغ
سوده توا دان تیدق برأوقاي مبارا هیدوفن مستدیری. سیرن اف قون یغ
کیت لاکوکن اتو قربانکن کیت تیدق اکن محمو اتوق مبالس جاس کدوا
ایوباف کیت. اوله ایت کیتک مرک ماسیه هیدوف، اینله کسمقائن
اتوق کیت بریقن دان بروات بایک کفد مرک دغن مبالک ۲۶ سقرت
میری قرهاتین، فمدولین دان کاسیه ساییغ، مغلورکن واغ ریغکیت دان
بکیو حوک کیت هندقله سلالو منزلهاری ایوباف یغ تیغکل برأسیقن دغن
کیت. دان حک مرک سوده تیاد، زبهریله تانه قرقبوران مرک دغن
مندعاءکن کامقون دان رحمة اتوق مرک. دان یوانله عمل کبیقن
سقرت صدقه دغن دیتکن قهلان اتوق ارواح کدوا ایوباف.

آخر، سام ۲ له ڪيت مفرماتي دان منحاڻ ڪيڇين ڪڍو! ايوباف
 دان اورغوا تو وارکا آس دان جاغنه ڪيت آيايکن دان سيا ۲ کن هيڊوڻ
 مريڪ، پريڪله ڪاسيه سايع دان قسنيڪله ڪهيڊوڻ مريڪ سحرنا، ترچامين
 دان سحرنا، سويڪ مريڪ اڪن ستياس منداڦه ڪامقونن دان قرلينڊوڻ
 درقد الله سبحانه وتعالى. آمين يا رب العالمين.

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ۖ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا

وَيَذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ

الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنُبِ وَآبِنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ⁴

إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَنْ كَانَ مُحْتَالًا فَخُورًا ﴿٦٦﴾ صدق الله العظيم

{ سورة النساء : ٣٦ }

تفسیر:

دان سمبهله الله دان جاضله كامو محمرسكوتوكتن دغن سوات اف
قون. دان بربوات بابك له ككده ككشا يايوباف، قوم قراية، اتق ۲
اورغ ۲ مسكين، حيوان تشفكا يغ دكة، حيوان تشفكا يغ جلو، راكن
سجاولت، اورغ مسافر يغ ترلزو دالم فرجالتنن يغ ترغوتوس فريلجائن دان
جوك همبا يغ كامو ميلكي. سسكوهن الله تيدق ميوكاي ككده اورغ ۲
يغ مومو غ دان ميغشكا ۲ كن ديري.

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا
وَبَلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. وَاسْتَغْفِرَ اللهُ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَمَا هُوَ الْمُسْتَغْفَرِينَ وَالْخَلَاءِ
الْقَائِمِينَ.

Ijazah diperoleh kejayaan peribadi



DAYANG Syazana binti Abdullah Lim.



DAYANG Hazwani binti Haji Mohd. Hamman.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Oktober. - Ijazah yang diraih oleh para graduan merupakan salah satu ukuran kejayaan di sepanjang pengajian mereka di Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Pada usia yang sudah lebih 30 tahun, UBD telah berkembang menjadi sebuah universiti terkenal di peringkat antarabangsa yang memberi tumpuan pada pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan.

Sehubungan itu, para graduan yang menerima Ijazah Doktor Falsafah dan Ijazah Sarjana Muda menjunjung kasih ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mana pengurniaan ijazah-ijazah tersebut disempurnakan oleh baginda pada Majlis Konvensyen Ke-28, UBD berlangsung di Dewan Canselor, UBD, di sini.

Ketika Pelita Brunei menemu bual beberapa orang graduan, rata-rata melahirkan rasa syukur dan gembira kerana usaha dan pengorbanan mereka akhirnya membuahkan hasil apabila berjaya menggenggam segulung ijazah.

Awangku Muhammad Nabeel bin Pengiran Haji Kamarulzaman, graduan Ijazah Sarjana Muda Sastera Jurusan Pengajian Sejarah berkata ijazah yang diterima itu merupakan salah satu kejayaan peribadi yang terbaik setelah empat tahun menempuhi pelbagai rintangan dan cabaran.

Tambahnya, jurusan yang dipilih adalah kerana minat dalam bidang sejarah, yang mana ia merupakan salah satu subjek yang sukar dan kesukaran itu diambil sebagai satu cabaran bagi beliau.

Sejarah jelasnya, bukan sahaja mengenai masa lalu seperti apa yang diandaikan oleh orang ramai pada lazimnya kerana setelah mengikuti kursus tersebut mereka akan lebih memahami apa yang menarik dalam bidang tersebut.

Sementara itu, bagi graduan Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Bidang Bahasa Inggeris dan Linguistik, Abang Ahmad Warid bin Haji Abang Rashidi pula merasa amat gembira dan bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta menjunjung kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang

Maha Mulia atas peluang yang diberikan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Menurutnya, pengalaman yang telah diperoleh sepanjang pengajian di UBD sangat dihargai dan tidak akan dilupakan.

"Sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di UBD, saya bertugas sebagai seorang guru terlatih mengajar bahasa Inggeris. Pengalaman mengajar bahasa Inggeris selama enam tahun dan hasrat untuk mendalami lagi pengetahuan mengenai Bahasa Inggeris dan Linguistik telah mendorong saya untuk memilih jurusan ini," jelasnya lagi.

Menyentuh mengenai cabaran yang dilalui, beliau berkata banyak cabaran yang perlu ditempuhi oleh seorang mahasiswa pengajian tinggi, antaranya ialah menyelesaikan tugas-tugas yang menuntut masa berjauhan dari keluarga (*Discovery Year*) dan harus sentiasa peka dengan maklumat dan kemahiran terkini.

Perancangan seterusnya pula katanya, ialah berusaha untuk menggunakan segala yang telah dipelajari dan menambah baik pengajaran bahasa Inggeris di sekolah, serta menyumbang kepada program pembangunan guru di peringkat sekolah dan kluster.

Saranan beliau kepada para mahasiswa yang masih menuntut : Kuatkan semangat dan jangan mudah berputus asa sepanjang pengajian, sentiasa pandai membahagikan masa untuk menyelesaikan tugas, gunakan peluang yang ada untuk menimba ilmu pengetahuan, sentiasa bermuhasabah dan tanyakan pada diri sendiri : apa sumbangan yang dapat saya buat kepada negara.

Bagi Dayang Noorfarhana binti Abd. Azih pula jurusan yang dipilih, iaitu Bahasa Melayu Linguistik adalah kerana ingin mendalami dari segi tatabahasanya, semantik, morfologi serta kaitan bahasa dengan masyarakat (sosiolinguistik).

"Cabaran yang saya hadapi sebagai mahasiswi ialah apabila menjalani program *Discovery Year* di Malaysia dan Thailand. Sepanjang program ini, bukan sahaja berjauhan dengan keluarga saya, saya juga perlu memahami budaya negara tersebut, tetapi atas dorongan ibu bapa saya,

Abd. Azih bin Abd. Ghani dan ibu saya, Subadiah binti Haji Aji, serta keluarga dan rakan-rakan seperjuangan saya, Alhamdulillah, saya dapat melalui cabaran sepanjang bergelar mahasiswi," jelas graduan Ijazah Sarjana Muda Jurusan Bahasa Melayu Linguistik itu lagi.

Setelah menamatkan pengajian, beliau berharap dapat membantu dalam memartabatkan bahasa Melayu kitani dan mengubah pandangan dan pendapat masyarakat yang menganggap bahasa Melayu sebagai bahasa yang tidak begitu penting.

Oleh itu, saranan beliau kepada para belia agar dapat menanamkan bahasa Melayu dalam diri kerana bahasa kitani juga mencerminkan budaya kitani.

Manakala Dayang Rahimah binti Haji Tamin, graduan Ijazah Sarjana Muda Kesusasteraan Melayu pula berharap diberikan peluang untuk menyambung pengajian ke peringkat Master agar dapat mendidik anak bangsa menjadi generasi berwawasan melalui pendidikan sepanjang hayat.

Beliau pernah mengajar di Sekolah Rendah Lubok Pulau Tutong selama sembilan tahun, iaitu dari tahun 2003 hingga 2011 dan seterusnya menyambung pengajian pada bulan Januari 2012 hingga November 2015, di samping itu mengikuti program pertukaran pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia dan penempatan kerja di Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

Bagi Dayang Hazwani binti Haji Mohd. Hamman pula jurusan Kesusasteraan Melayu menjadi pilihan beliau kerana minat untuk mendalami dunia kesusasteraan dan keinginan dalam mengkaji novel-novel serta mengetahui tentang sejarah-sejarah cerita lama terutamanya melayu tradisional yang bukan saja melibatkan di Brunei, tetapi juga di tanah melayu.

Belajar sastera katanya, banyak mengetahui cerita-cerita *folklore* di Brunei yang sukar didapati pada masa sekarang dan dari cerita.

Melalui penyampaian oleh para pensyarah, beliau telah serba sedikit mengetahui *folklore* di negara ini dengan isu-isu yang dapat dipisi dari cerita-cerita tersebut.

Cabaran yang dilalui sebagai seorang mahasiswi pula terangnya ialah belajar dalam berkumpulan sebab sebelum ini terbiasa membuat kerja bersendirian, tetapi bila melangkah masuk ke UBD, *assignment* yang dibuat akan diambil markah melalui

hasil kerja berkumpulan.

"Jadi cabarannya adalah bagaimana saya berkongsi ilmu dengan kawan-kawan, hasil yang kami peroleh itu bagaimana ia akan disatukan dalam satu kertas kerja yang baik. Interaksi dan kerja berkumpulan sangat penting bagi menghasilkan dapatan yang memuaskan. Selain dari itu, cabaran saya jua adalah bagaimana saya mengejar *dateline*. Dalam pengurusan masa untuk menghantar *assignment* mengikut tarikh yang ditetapkan oleh *lecturer* sangat penting. Macam saya sebagai mahasiswa tidak boleh sambil lewa, tidak boleh berfikir yang *dateline* bagi menghantar kerja itu lama lagi sebab bagi saya hasil kerja yang baik adalah kerja yang awal saya sediakan dari permulaan, bukan *last* minit," jelasnya lagi.

Menyentuh mengenai dengan sumbangan yang dapat diberikan untuk negara beliau menjelaskan ia adalah melalui berkarya dalam penulisan dengan menyumbangkan bahan-bahan untuk majalah keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka seperti dalam Majalah Mekar, Majalah Juara Pelajar dan Majalah Bahana.

Beliau yang pernah mengikuti peraduan dan menang tiga kali dalam Minda Pembaca, iaitu keluaran Pelita Brunei berkata, dengan berkarya ia

juga boleh meningkatkan kemajuan negara dalam menuju Wawasan 2035.

Tambahnya, sebagai seorang graduan mestilah bersikap produktif dan menghasilkan sesuatu yang berguna untuk masa depan.

Saranan beliau kepada para belia, jangan berhenti berusaha dan sentiasa berusaha untuk mencapai cita-cita kerana walaupun cabaran semakin tinggi pada masa ini, tetapi mereka mesti mencuba untuk melibatkan diri dengan kepandaian yang adadalam bidang-bidang yang diminati dan sentiasa mencari jalan untuk memajukan diri dan berjaya dalam hidup.

Sementara itu, bagi Dayang Syazana binti Abdullah Lim graduan Ijazah Doktor Falsafah Dalam Biologi berkata, selain perasaan gembira, beliau juga merasa lega kerana tidak menyangka akan melalui kursus tersebut selama tiga tahun.

Tambahnya, cabaran yang dihadapi banyak termasuk *self discipline* dan pengurusan masa yang mana adalah sangat penting kerana terdapat kajian-kajian yang diperolehi terlalu sukar dan tidak memuaskan.

Beliau seterusnya menyarankan agar para belia sentiasa komited dan berdisiplin, di samping melakukan yang terbaik jika ingin meneruskan pengajian tinggi.



DAYANG Rahimah binti Haji Tamin bersama keluarganya.

29 pelajar BIBD ALAF duduki PSR

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 14 Oktober. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) mengadakan Sembahyang Hajat dan ceramah motivasi untuk 29 pelajar BIBD ALAF (Advocating Life-Long Learning for Aspiring Future) yang akan menduduki Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR), Peringkat 'O' dan 'A' Level.

Acara tersebut diadakan di Dewan Serbaguna, Bangunan Persatuan Guru-Guru Melayu Brunei di ibu negara dan dihadiri oleh Timbalan Pengarah Urusan BIBD, Dayang Hajah Noraini binti Haji Sulaiman selaku tetamu kehormat.

Acara dimulakan dengan Sembahyang Hajat diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan doa serta diteruskan dengan

Siaran Akhbar : Bank Islam Brunei Darussalam

ceramah motivasi oleh Awang Isham bin Ismail dari Pusat Da'wah Islamiah.

Program ALAF, dilancarkan pada Mei 2013 oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman dan diunkayahkan dengan kerjasama Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan dan pada tahun 2015, satu Memorandum Persefahaman telah ditandatangani dengan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Ini akan membawa pada usaha yang berterusan dan

kerjasama erat di antara semua pihak bagi memastikan kejayaan pelaksanaan dan penyediaan bantuan pada program ALAF tersebut.

Program ALAF menyediakan pelajar terpilih dengan peruntukan untuk sekolah dan tuisyen yuran, keperluan pendidikan juga kebajikan, serta bimbingan dan keperluan kaunseling dalam kalangan pelajar.

Dana yang dikumpul untuk memudahkan program tersebut diperolehi dari saluran yang berbeza seperti ekspedisi amal BIBD untuk ALAF, sumbangan ikhlas dari agensi korporat juga orang awam.

Cawangan 'A' juara badminton PDB

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

GADONG, Sabtu, 15 Oktober. - Cawangan 'A' muncul johan di Peringkat Akhir Kejohanan Badminton Inter-Cawangan 2016 Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) yang berlangsung di Stadium Hassanal Bolkiah, Ibu Pejabat Polis, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Pemangku Pengarah Jabatan Gerakan, Yang Amat Mulia Penguasa Kanan Polis Pengiran Anak Haji Mohd. Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul

Karib Pengiran Anak Haji Idris.

Kejohanan tersebut bermula dari 1 Oktober lalu yang diatur mengikut kalendar sukan dan disusun sepanjang tahun di bawah Majlis Sukan Polis Diraja Brunei (MSPDB).

Ia bertujuan bagi mengeratkan hubungan silaturahmi dalam kalangan pegawai-pegawai dan anggota pangkat rendah PDB dan menggalakkan warga PDB mengamalkan cara hidup sihat dengan melibatkan diri dalam kegiatan sukan.

Selain itu, ia juga dapat memupuk

perpaduan, persefahaman dan kerjasama dalam kalangan anggota PDB demi pembangunan dan kemajuan sukan serta melahirkan juga seterusnya memilih pemain-pemain berbakat dan berpotensi untuk mewakili PDB dikejohanan peringkat kebangsaan.

Kejohanan dipertandingkan dalam bentuk kumpulan, yang mana sebanyak tujuh buah kategori, iaitu Bergu Khas Pegawai, Perseorangan Lelaki, Bergu Wanita, Bergu Veteran, Perseorangan Wanita, Bergu Lelaki dan Bergu Campuran telah dipertandingkan.

Sebanyak lima buah cawangan yang terdiri dari gabungan jabatan-jabatan dan formasi polis di seluruh negara

menyertai kejohanan tersebut, iaitu Cawangan 'A', Cawangan 'B', Cawangan 'C', Cawangan 'D' dan Cawangan 'E'.

Ia dianjurkan secara liga di peringkat awal dan hari ini diadakan peringkat akhir di antara Cawangan 'A' menentang cawangan 'E' dengan kiraan 4 - 1.

Jabatan-jabatan dan formasi di bawah Cawangan 'A' terdiri dari Jabatan Pentadbiran Am dan Kewangan, Jabatan Siasatan Jenayah,

Jabatan Perisikan Jenayah serta Jabatan Logistik.

Manakala dari Cawangan 'E' terdiri dari Daerah Polis Belait dan Daerah Polis Tutong.

Penentuan tempat ketiga telah diadakan pada 14 Oktober di antara Cawangan 'B' menentang Cawangan 'C' yang dimenangi oleh Cawangan 'C', mereka terdiri dari gabungan Daerah Polis Temburong, Polis Kawalan Diraja, Polis Marin dan Pasukan Simpanan Kompeni 'C'.



PEMANGKU Pengarah Jabatan Gerakan, Yang Amat Mulia Penguasa Kanan Polis Pengiran Anak Haji Mohd. Saifullah (lima, kiri) berkenan bergambar kenangan bersama Pasukan Cawangan 'A' dan Cawangan 'E'.

Pesta tarik penyertaan PKS, pengusaha mikro

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Oktober.- Para pengusaha yang akan menyertai 'Coffee and Cars Festival' telah diberikan taklimat dari pihak penganjur, iaitu CONFEX bertempat di ruang Confex, Jalan Sultan, Pusat Bandar.

Pesta tersebut yang julung kali diadakan adalah antara yang terbesar seumpamanya pernah dianjurkan di negara ini.

Selain pengusaha makanan, minuman dan kereta, pesta berkenaan juga akan disertai oleh para Pengusaha Kecil dan Sedarhana (PKS) dari industri makanan dan minuman yang akan mengambil tempat di Taman Permainan Jerudong Park bermula dari pintu masuk taman tersebut hingga ke kawasan lapang di hadapan Amphitheatre.

Menurut Pengurus Besar CONFEX, Awang Hafiz Fayadh bin Haji Musa, sambutan daripada orang ramai juga dari PKS yang menyertai pesta berkenaan sangat memberangsangkan.

"Ini adalah pembangunan perniagaan yang sihat dan kita sebagai penganjur berasa gembira kerana dapat menyediakan platform bagi para peniaga mempamerkan produk dan perkhidmatan masing-masing dalam suasana yang lebih terancang. Masa ini masih terdapat beberapa slot yang

tinggal dan kami menggalakkan PKS mikro untuk menyertai kami," jelasnya.

Perkara yang dibangkitkan pada sesi taklimat tersebut termasuklah aspek-aspek kesihatan dan keselamatan yang menjadi keutamaan bagi pihak penganjur.

Pada pesta tersebut anggota-anggota dari Persatuan Bulan Sabit Merah Brunei Darussalam juga dijangka bersiap sedia memberikan pertolongan cemas jika diperlukan.

Perkara-perkara lain yang disentuh termasuklah masa masuk dan keluar bagi pengusaha dan lain-lain logistik seperti bekalan air dan elektrik.

Secara rasminya pesta itu dipanggil sebagai "Coffee and Cars BN", yang akan diadakan pada hujung minggu ke-2 bulan ini hingga 30 Oktober 2016 bermula jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam.

Tiket penyertaan boleh didapati dengan harga BND5 sehari setiap penyertaan, manakala kanak-kanak di bawah sembilan tahun, masuk adalah percuma.

Untuk keterangan lanjut mengenai acara ini, boleh melayari www.motoringbn.com atau ikuti www.motoringbn.com dan [#CoffeeAndCarsBN](https://www.facebook.com/CoffeeAndCarsBN), sementara tiket-tiket boleh ditempah melalui inyurl.com/coffeeandcarsbn.



PENGURUS pameran Coffee & Cars Brunei Darussalam, Sharlyne Raju semasa memberikan taklimat kepada para peniaga yang mengikuti pameran tersebut.


Sementara itu, bagi maklumat lebih lanjut mengenai 'Coffee and Cars BN' dan untuk mendaftar sebagai pengusaha, boleh menghubungi Ketua Projek, Dayang Aya Azri, melalui talian +673 8282217 atau Penolong Penyelaras Permotoran BN, Awang Redzwan Kamarudin, melalui talian +673 828 2216 atau e-mel : register@confexmice.com.

Layari Epaper Pelita Brunei



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

CARTA ALIRAN MEMASUKKAN IKON PINTAS **EPAPER** PELITA BRUNEI KE DALAM 'HOME SCREEN' TELEFON PINTAR AWDA



Siaran Akhbar dan Carta : Jabatan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN. - Epaper Pelita Brunei merupakan surat khabar Pelita Brunei dalam versi digital dan mula beroperasi pada 18 Jun 2016.

Ia boleh dilayari melalui www.pelitabrunei.gov.bn/epelita. Dikemaskinikan setiap tiga kali seminggu, iaitu hari Isnin, Rabu dan Sabtu. Terdapat 24 halaman muka surat dimuatkan ke dalam Epaper tersebut yang boleh dilayari melalui internet sama ada menggunakan komputer, tablet atau telefon pintar dan sebagainya.

Antara ciri-ciri Epaper Pelita Brunei ialah PDF boleh dimuat-turun (dijadikan simpanan arkib, rujukan dan sebagainya dalam telefon pintar atau komputer). Epaper ini juga boleh disaksikan secara 'Thumbnails' (boleh dilihat secara keseluruhan atau paparan kecil kesemua muka surat Pelita Brunei dengan nombor muka suratnya). Epaper ini juga boleh diikuti atau dikongsikan secara aplikasi Facebook, Twitter, Linked In, Tumblr, Google Plus, E-Mail dan VK. Di dalam Epaper ini juga terdapat ruang carian *search* mengenai Epaper Pelita Brunei dengan menggunakan teks tidak kurang dari tiga huruf.

Tujuan Epaper ini adalah untuk memberi kemudahan kepada orang ramai yang tidak memperoleh Pelita Brunei secara bercetak. Oleh kerana itu, Epaper dibuat bagi memudahkan mendapatkan berita terkini dengan menggunakan kemudahan internet secara lebih cepat serta mengurangkan penggunaan kertas.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PUPUK JATI DIRI BAIK, KEKALKAN IDENTITI KEBRUNEIAN BERPAKSIKAN MIB

دربیتکن اوله جباتن قنراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن قرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Di terbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.